

## **UCAPAN BAJET TAHUN 2011**

**Oleh**

**YAB DATO' SRI MOHD. NAJIB TUN ABDUL RAZAK  
PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN**

**KETIKA MEMBENTANG  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2011)**

**DI DEWAN RAKYAT  
PADA JUMAAT, 15 OKTOBER 2010**

**“TRANSFORMASI KE ARAH NEGARA MAJU  
BERPENDAPATAN TINGGI”**

*بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk “**Satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu**” dibaca bagi kali kedua.

## PENDAHULUAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani,

Firmannya:

*“Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu yakni kebahagiaan negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari kenikmatan dunia ini dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi”.*

(Surah Al-Qasas, ayat 77)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dan segala kepujian dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala yang telah mengizinkan saya, membentangkan Bajet Negara bagi tahun 2011. Sesungguhnya, ini bukan bajet yang lazim. Bajet ini amat bermakna sebagai helaian-helaian pembuka tirai kepada pusingan akhir ke arah Wawasan 2020 yang bakal menjelang kira-kira 3,365 hari atau 9 tahun 2 bulan dan 17 hari lagi.
2. Justeru, pada petang Jumaat yang mulia ini, penghulu segala hari, saya akan meletak bata-bata pengmuktamad serta memahat paku-paku pelengkap sekaligus menaikkan layar Bahtera Malaysia menuju ufuk negara maju. Hakikatnya, sejak 18 bulan lalu Kerajaan telah mempersiapsiagakan ceracak-ceracak yang kukuh sebagai asas lonjakan seterusnya kepada perjalanan Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi.
3. Sesungguhnya, Bajet ini digubal dengan penuh keazaman untuk mendokong perubahan besar kepada kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Proses transformasi ini dilaksanakan secara holistik meliputi aspek ekonomi, sosial dan politik.

4. Bajet 2011, mendakap semangat dan realiti pentadbiran terkini yang mengangkat **Konsep 1Malaysia** sebagai **falsafah induk yang memandu** hala tuju negara. Pelan Transformasi Kerajaan atau GTP dan Pelan Transformasi Ekonomi yakni ETP pula menjadi **Peta Panduan**. Enam NKRA, Model Baru Ekonomi dengan lapan terasnya pula membentuk **Kerangka Kerja kepada arah tuju** tersebut. Seterusnya, perinciannya sedang dan akan diterjemah melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sememangnya lagi, seperti mana yang saya sering utarakan, era kerajaan tahu segalanya sudahpun berakhir. Lantaran, dalam menggubal Bajet ini, Kerajaan telah merundingi dan mengambil kira pandangan pelbagai pihak terdiri daripada sektor awam, sektor swasta, *focus group*, sumbangan media massa, cadangan blog 1Malaysia serta sesi-sesi makmal.

6. Dengan demikian, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat. Inilah kekuatan 1Malaysia, inilah berkat gabungan percambahan idea dan gandingan usaha gigih yang telah dicurahkan. Hati kuman sama dicicah, hati gajah sama dilapah. InsyaAllah saya yakin kita akan dapat menangani pelbagai cabaran dan rintangan yang dihadapi. Bahkan, lebih dari itu, bersama-sama kita pasti mampu keluar dari perangkap ekonomi berpendapatan sederhana serta melonjak ke tahap pembangunan yang jauh lebih tinggi.

## **PRESTASI DAN CABARAN EKONOMI**

Tuan Yang di-Pertua,

7. Alhamdulillah, negara kita telah berjaya pulih daripada kemelesetan ekonomi dunia berikutan daripada langkah proaktif yang telah diambil oleh Kerajaan dan pelaksanaan dua Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah 67

bilion ringgit. Kejayaan langkah ini, terbukti dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berkembang pada 9.5 peratus bagi tempoh separuh pertama 2010, berbanding negatif 5 peratus bagi tempoh sama tahun lalu. Prestasi ekonomi dunia, turut dijangka kembali pulih pada kadar 4.8 peratus berbanding negatif 0.6 peratus tahun 2009. Begitu juga dengan perdagangan antarabangsa, berkembang 11.4 peratus berbanding negatif 11 peratus pada tahun 2009.

8. Sementara di peringkat domestik, penunjuk utama turut memamerkan pertumbuhan ekonomi kekal kukuh. Indeks Komposit Bursa Malaysia pula melonjak kepada 1,496 mata pada 14 Oktober 2010, antara tertinggi sejak Februari 2008. Hasil eksport juga memberangsangkan bagi tempoh lapan bulan pertama 2010, ia meningkat sebanyak 22 peratus dan import 28 peratus, khususnya, import barang modal meningkat sebanyak 18 peratus.

9. Kedudukan ringgit pula, semakin kukuh dengan kadar pertukaran bagi sedolar Amerika mencecah 3.0833 pada 14 Oktober 2010. Peningkatan 11 peratus sejak 31 Disember 2009, menjadikan ringgit antara matawang yang paling teguh, di rantau ini. Rizab antarabangsa negara kekal padu, berjumlah 310.8 bilion ringgit atau 100.7 bilion dolar Amerika pada 30 September 2010. Ia mampu membiayai 8.5 bulan import tertangguh dan 4.3 kali lebih tinggi daripada hutang luar jangka pendek negara.

10. Dengan perkembangan positif ini, Kerajaan telah menyemak semula kadar pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2010 kepada 7 peratus, berbanding 6 peratus sebelum ini. Ia, jauh lebih tinggi berbanding negatif 1.7 peratus pada 2009. Prestasi memberangsangkan ini, akan diupaya oleh peningkatan pengeluaran sektor pembuatan yang berkembang pada 10.8 peratus, perkhidmatan 6.5 peratus dan pembinaan 4.9 peratus. Manakala perbelanjaan pelaburan dan penggunaan swasta masing-masing 15.2 peratus dan 6.7 peratus serta eksport 11.6 peratus.

11. Bagi tahun 2011, pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia dijangka sederhana sebanyak 4.2 peratus dan 7 peratus. Selaras dengan itu,

pertumbuhan ekonomi negara dijangka meningkat, pada kadar 5 hingga 6 peratus. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan berusaha sedaya mungkin, untuk mencapai pertumbuhan 6 peratus. Pertumbuhan ini akan didorong oleh pelaburan swasta sebanyak 10.2 peratus, penggunaan swasta 6.3 peratus dan eksport 6.7 peratus. Sektor pembuatan pula kekal menerajui pertumbuhan, berkembang 6.7 peratus dan perkhidmatan 5.3 peratus.

12. Pendapatan per kapita bertambah 6.1 peratus kepada 28 ribu ringgit. Pendapatan per kapita mengikut kuasa beli pariti meningkat kepada 16 ribu dolar Amerika. Unjuran ini mengambil kira paras inflasi yang sederhana pada 2 hingga 3 peratus dan kadar pengangguran kekal rendah pada 3.5 peratus.

## **STRATEGI BAJET 2011**

Tuan Yang di-Pertua,

13. Menyongsong strategi Bajet 2011 demi mencapai status negara maju yang diaspirasikan, kita tidak boleh lagi terpenjara dengan kelaziman. Kita mesti menerjang keluar dari belenggu pemikiran dan cara kerja yang biasa. Pucuk pangkalnya, kejayaan menuntut kepada perubahan dan pembaharuan. Ia tidak boleh lagi berdikit-dikit tetapi menghambat lonjakan mega. Ternyata, apa yang dihadapkan kepada kita sangat jelas. Perubahan bukan lagi satu opsyen. Ia satu imperatif. Berubah atau kita akan ketinggalan.

14. Hatta, tawarikh menyaksikan, kita telah melakukan perubahan dan pembaharuan, kita berjaya mentransformasikan Malaysia daripada negara pertanian hingga menjadi antara negara pengeksport terbesar di dunia. Dari itu, cabaran generasi kepimpinan hari ini adalah untuk membuat lonjakan seterusnya. Ia bukanlah satu kemustahilan. Dengan perancangan yang rapi seperti ini dan strategi yang jelas, mudah-mudahan kita akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua,

15. Dalam pada itu, pola perdagangan luar semakin mencabar, manakala saingan menarik modal antarabangsa kian sengit. Tambahan lagi, persekitaran ekonomi global kini, pantas bertukar. Dalam keadaan ini, sektor swasta perlu menyahut cabaran untuk menjadi peneraju pertumbuhan ekonomi yang lebih dinamik, kreatif dan inovatif. Mereka perlu lebih berani mengambil risiko, dan berani, merebut peluang yang ada. Yang pentingnya, Kerajaan akan menyediakan ekosistem yang terbaik bagi memastikan perkara ini boleh diterjemahkan.

16. Justeru, Bajet ini akan memberi tumpuan kepada usaha mentransformasi Malaysia, menjadi negara maju berpendapatan tinggi, berpembangunan inklusif dengan pertumbuhan mapan diterajui sektor swasta serta mendahulukan kesejahteraan rakyat. Bertemakan "**Transformasi Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi**", Bajet 2011, ini akan menumpu kepada empat strategi utama berikut:

**Pertama : Mendaya Kembali Pelaburan Swasta;**

**Kedua : Membangunkan Modal Insan;**

**Ketiga : Mensejahterakan Hidup Rakyat; dan**

**Keempat : Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan Awam**

## **STRATEGI PERTAMA: MENDAYA KEMBALI PELABURAN SWASTA**

Tuan Yang di-Pertua,

17. **Strategi pertama adalah mendaya kembali pelaburan swasta.** Hari ini, kita dapati Kerajaan memainkan peranan yang signifikan dalam menjana ekonomi negara. Corak pertumbuhan ini berlaku ekoran krisis kewangan

1997/1998. Sudah tiba masanya sektor swasta kembali bertindak sebagai enjin pertumbuhan seperti mana pra-kegawatan. Sehubungan itu, Kerajaan telah membuat pengumuman dan percaturan supaya Rancangan Malaysia Kesepuluh yang bermula pada tahun 2011 mengenangkan lagi peranan sektor swasta. Pada tahun 2011, Kerajaan menganggarkan jumlah nilai semasa pelaburan swasta akan berkembang 12.5 peratus kepada sebanyak 86 bilion ringgit. Di samping itu, pelaksanaan 12 *National Key Economic Area* (NKEA) dijangka menjana pelaburan bernilai lebih 1.3 trillion ringgit atau 444 bilion dolar Amerika dan mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan sepanjang tempoh pelaksanaannya. Daripada jumlah ini, 92 peratus akan dibiayai oleh sektor swasta dan bakinya oleh Kerajaan.

### ***Inisiatif Projek Perkongsian Awam - Swasta***

18. Dalam konteks ini, Kerajaan akan mempergiatkan lagi **inisiatif Projek Perkongsian Awam-Swasta atau PPP** bertujuan meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam kegiatan ekonomi. Pelaksanaan projek PPP dengan peruntukan Kerajaan disediakan sebagai *tipping point* untuk membangunkan infrastruktur sokongan bagi membolehkan projek yang diterajui sektor swasta menjadi lebih berdaya maju. Sehubungan itu, beberapa projek PPP telah dikenal pasti dalam RMK-10 akan mula dilaksanakan pada tahun hadapan dengan kos pelaburan swasta 12.5 bilion ringgit. Kerajaan pula akan menyediakan peruntukan sebanyak 1 bilion ringgit daripada Dana Mudahcara. Antara projek PPP yang terlibat adalah:

Pertama: Pembinaan Lebuhraya seperti Lebuhraya Bertingkat Ampang-Cheras-Pandan, Lebuhraya Guthrie-Damansara, Lebuhraya Damansara-Petaling Jaya, Lebuhraya Pantai Barat Banting-Taiping, Lebuhraya Sungai Dua-Juru dan Lebuhraya Paroi-Senawang-KLIA;

Kedua: Pembinaan Loji Janakuasa Kitar Padu Gas 300 mega watt di Kimanis, Sabah bagi menambah kapasiti bekalan elektrik untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat; dan

Ketiga: Projek pembangunan kesihatan seperti Hospital Pengajian Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia di Kuantan, Pahang, Hospital Wanita dan Kanak-kanak serta Kompleks Institut Penyelidikan Kesihatan Bersepadu, di Kuala Lumpur.

19. Sebuah lagi projek PPP yang telah dikenal pasti adalah Academic Medical Centre. Projek ini merupakan usaha sama antara Academic Medical Centre Sdn. Bhd. dengan Johns Hopkins Medicine International dan Royal College of Surgeons Ireland. Projek ini melibatkan pelaburan swasta sebanyak 2 bilion ringgit.

### ***Pembangunan Strategik Berimpak Tinggi***

Tuan Yang di-Pertua,

20. Mutakhir ini, kita telah mula menyaksikan kembalinya peranan sektor swasta dalam ekonomi melalui beberapa **projek strategik berimpak tinggi**. Contohnya, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dengan kerjasama Mubadala Development Company (Mubadala), syarikat pelaburan Kerajaan Abu Dhabi telah bersetuju membangunkan Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFD) bermula tahun hadapan dengan nilai anggaran sebanyak 26 bilion ringgit. KLIFD akan menempatkan secara bersepadu, bank utama antarabangsa dan firma perkhidmatan kewangan profesional termasuklah pakar syariah. Apa yang mustahak adalah, pembangunan strategik sebegini akan terus menempatkan Malaysia sebagai hab kewangan Islam terulung di dunia. Kerajaan bersedia untuk menimbalangkan pakej insentif yang menarik sebagai galakan untuk mereka yang melabur di KLIFD kelak.

21. Seterusnya, transit aliran berkapasiti tinggi (MRT) di *Greater KL* (Lembah Klang) akan dilaksanakan mulai tahun hadapan. Projek ini dengan anggaran kos pelaburan swasta kira-kira 40 bilion ringgit dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2020 akan menambah kadar kepenggunaan pengangkutan awam sekurang-kurangnya 40 peratus. Projek MRT dijangka

menyediakan pengangkutan awam yang efisien dan selesa serta pengguna dapat menuju ke destinasi dengan pantas. Sistem MRT ini juga akan memperhebatkan jaringan hubungan di Lembah Klang dan diintegrasikan dengan mod pengangkutan yang lain seperti bas dan teksi.

22. Sebuah lagi projek utama yang akan dilaksanakan adalah pembangunan tanah Lembaga Getah Malaysia di Sungai Buloh seluas 2,680 ekar. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan melaksanakan pembangunan bercampur melibatkan kediaman mampu milik, perdagangan, industri serta kemudahan prasarana. Keseluruhan pembangunan ini, dianggarkan bernilai 10 bilion ringgit, dan dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2025.

23. Di sudut yang lain, kita berasa sungguh berbangga, bahawa, ke mana sahaja kita pergi, semua orang mengetahui tentang Menara Berkembar Petronas yang menjadi ikon negara. Ia merupakan satu monumen kepada semangat Malaysia Boleh. Hakikatnya, kekuatan negara adalah adunan dan bauran sejarah kelmarin dan harapan hari esok. Jadi, sebagai satu lagi mercu tanda kebanggaan negara menjelang 2020, Permodalan Nasional Berhad akan mula membangunkan projek bersepadu yang dinamakan Warisan Merdeka. Ia akan mengekalkan Stadium Merdeka, Stadium Negara dan pembinaan sebuah menara 100 tingkat yang tertinggi di Malaysia. Keseluruhan projek ini bernilai 5 bilion ringgit, di mana, menaranya dijangka akan siap pada tahun 2015.

### ***Mencergaskan Pasaran Modal***

Tuan Yang di-Pertua,

24. Bagi menyokong dasar liberalisasi kewangan negara, Kerajaan akan terus berusaha **mencergaskan lagi pasaran modal** domestik dengan mengambil langkah berani, terutamanya mempelbagaikan produk pelaburan, meliberalisasi syarat pegangan ekuiti dan had pelaburan, menyediakan insentif

yang lebih menarik serta meningkatkan kerjasama dengan bursa asing. Oleh itu, langkah berikut akan dilaksanakan:

- Pertama: Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) akan mengurangkan pegangan saham dalam syarikat utama di Bursa Malaysia untuk meningkatkan kecairan dan halaju dagangan pasaran;
- Kedua: GLIC akan dibenar meningkatkan pelaburan di luar negara bagi menerokai peluang pulangan pelaburan yang lebih baik. Sebagai contoh, KWSP yang mempunyai pelaburan antarabangsa sebanyak 7 peratus, akan ditingkatkan sehingga 20 peratus daripada jumlah aset diuruskan;
- Ketiga: Penyenaraian anak syarikat Petronas dan MISC, iaitu *Petronas Chemical Sendirian Berhad* dan *Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad* akan menawarkan pegangan awam yang lebih tinggi pada tahun ini;
- Keempat: Bursa Malaysia akan melancarkan sukuk dan bon konvensional untuk memenuhi permintaan pelabur runcit terhadap pelaburan pendapatan tetap untuk meningkatkan kerancakan pasaran bon;
- Kelima: Suruhanjaya Sekuriti akan menawarkan tiga lesen syarikat broker saham baru kepada syarikat tempatan, asing atau usaha sama yang layak, untuk meningkatkan penyertaan pasaran runcit;
- Keenam: Suruhanjaya Sekuriti akan menambahkan bilangan *Proprietary Day Traders* yang beroperasi di pasaran; dan
- Ketujuh: Suruhanjaya Sekuriti juga akan mempermudahkan proses dan prosedur penyenaraian syarikat dan produk, terutamanya Dana Dagangan Bursa.

### **Pasaran Modal Islam**

25. Dalam nafas yang sama, **pasaran modal Islam akan terus diunggulkan**. Untuk tujuan ini, Bursa Malaysia akan membangunkan *international board* bagi membolehkan penyenaraian saham asing, termasuk produk patuh syariah.
26. Makanya, bagi terus menggalakkan inovasi dalam produk sekuriti Islam, Kerajaan mencadangkan perbelanjaan bagi menerbitkan sekuriti Islam yang menggunakan prinsip *Murabahah* dan *Bai Bi-thaman Ajil* berdasarkan *tawarruq* diberi potongan cukai. Ini akan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pasaran *sukuk* utama dan mempromosi transaksi dalam Bursa Suq al-Sila, satu platform perniagaan komoditi patuh Syariah, yang pertama seumpamanya di dunia. Kerajaan juga mencadangkan sumbangan takaful bagi kredit eksport diberi potongan cukai dua kali.

### **Mempergiatkan Industri Modal Teroka**

Tuan Yang di-Pertua,

27. Dalam menggalakkan lagi inovasi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, **modal teroka memainkan peranan penting** terutamanya dalam sektor berteknologi tinggi seperti ICT, bioteknologi dan industri kreatif. Untuk tujuan ini, Kerajaan akan menyediakan Latihan Peningkatan Keusahawanan kepada 500 bakal teknopreneur dan menarik lebih ramai “*angel investors*”, kedua-duanya akan dikendalikan oleh Cradle Fund, sebuah anak syarikat Kementerian Kewangan. Manakala, Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) pula akan diberi Dana Permulaan Perniagaan berjumlah 100 juta ringgit untuk memberi pembiayaan mudah dengan bayaran balik setelah syarikat menjana pendapatan. MTDC juga akan menganjurkan *International Venture Capital Symposium* pada tahun hadapan untuk memadam pemodal teroka asing dan tempatan bagi merancakkan lagi industri berteknologi tinggi.

### ***Skim Amanah Hartanah Bumiputera***

28. Melangkah ke hadapan, sebagai penyertaan yang lebih bermakna dan mapan oleh golongan Bumiputera pula, Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera akan memberi peluang kepada pemilikan Bumiputera dalam sektor harta tanah komersil utama di bandar utama dalam negara. Bumiputera dapat melanggan dalam tabung pemilikan harta tanah komersil kelas utama di Lembah Klang melalui skim pemilikan berkelompok. Untuk ini, Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera akan melancarkan **Skim Amanah Hartanah Bumiputera** pada tahun ini dengan saiz bernilai satu bilion ringgit dan patuh syariah.

### ***Dana Pencen Swasta***

29. Untuk merancakkan lagi aktiviti pasaran modal, saya ingin mengumumkan Kerajaan akan melancarkan **Dana Pencen Swasta** pada tahun 2011. Dana ini akan memberi manfaat kepada pekerja sektor swasta dan mereka yang bekerja sendiri. Pelepasan cukai pendapatan sehingga 6 ribu ringgit sedia ada bagi caruman pekerja kepada KWSP diperluaskan untuk meliputi caruman yang dibuat kepada Dana Pencen Swasta termasuk caruman oleh mereka yang bekerja sendiri. Majikan juga akan diberi potongan cukai ke atas caruman yang dibuat bagi pihak pekerjanya. Ini akan memberikan pilihan kepada rakyat bagi melabur untuk hari tua mereka.

### ***Meningkatkan Kegiatan Industri Elektrik dan Elektronik***

30. **Industri Elektrik dan Elektronik (E&E) merupakan penyumbang terbesar hasil eksport negara** iaitu sebanyak 41 peratus atau 228 bilion ringgit pada tahun 2009. Namun begitu, industri E&E kita lebih tertumpu kepada aktiviti pemasangan. Kita sepatutnya menggunakan kelebihan pengalaman untuk mewujudkan syarikat E&E tempatan yang berdaya saing di peringkat antarabangsa. Oleh itu, sebanyak 857 juta ringgit akan disediakan bagi syarikat tempatan yang melabur dalam aktiviti E&E bernilai tambah tinggi, terutamanya di Pulau Pinang dan Kulim High-Tech Park di Kedah.

### ***Mencergaskan Industri Minyak, Gas dan Tenaga***

31. Selain itu, **industri minyak, gas dan tenaga merupakan antara penyumbang utama kepada pendapatan ekonomi negara.** Pada tahun 2009, industri ini telah menyumbang 10.2 peratus kepada KDNK dengan pendapatan eksport bernilai 56 bilion ringgit. Oleh kerana industri ini mempunyai potensi untuk dikembangkan lagi terutamanya aktiviti hiliran, Kerajaan memperuntukkan sebanyak 146 juta ringgit untuk sektor ini. Penubuhan Pusat Perkhidmatan dan Peralatan Minyak utama rantau Asia di Johor pula, melibatkan pelaburan swasta sebanyak 6 bilion ringgit dalam tempoh 10 tahun. Bagi mengatasi kekangan bekalan gas pula, Petronas akan melaksanakan projek *regasification* dengan kos pelaburan 3 bilion ringgit di Melaka yang dijangka mula beroperasi pada 2012.

### ***Memajukan Teknologi Hijau***

Tuan Yang di-Pertua,

32. **Kerajaan komited untuk memajukan teknologi hijau** bagi menjamin kelestarian pembangunan negara. Sehubungan itu, Kerajaan terus menyediakan beberapa insentif:

Pertama: Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan bagi aktiviti penjanaan tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui dan penjimatan tenaga dilanjutkan sehingga 31 Disember 2015;

Kedua: Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan penjanaan tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui dan penjimatan tenaga dilanjutkan sehingga 31 Disember 2012;

Ketiga: Pengecualian cukai ke atas pendapatan daripada perdagangan sijil *Certified Emission Reductions (CERs)* dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2012; dan

Keempat: Pengecualian duti import sepenuhnya dan duti eksais 50 peratus telah diberi kepada pemegang francais kereta hibrid sehingga 31 Disember 2010. Bagi terus menggalakkan pemilikan kereta hibrid, pengecualian duti import dan duti eksais ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2011 dan sebagai galakan tambahan, duti eksais diberi pengecualian sepenuhnya. Galakan ini juga diperluaskan kepada kereta elektrik serta motosikal hibrid dan elektrik.

33. Malaysia juga komited, mengurangkan pengeluaran karbon intensiti bagi memulihara alam sekitar. Atas maksud ini, Kerajaan akan melaksanakan antara lain, Program Adunan Biobahan Api dengan Diesel Petroleum (Program B5) secara mandatori bermula di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka pada bulan Jun 2011.

34. Kerajaan juga akan melaksanakan mekanisme *Feed in Tariff*, (*FiT*) di bawah Akta Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) bagi membenarkan tenaga elektrik daripada sumber RE oleh pemaju bebas dan individu dijual kepada syarikat utiliti bekalan elektrik.

### ***Menyuburkan Sektor Pertanian***

Tuan Yang di-Pertua,

35. Dalam **menyuburkan sektor pertanian**, Kerajaan memperuntukkan 3.8 bilion ringgit bagi tahun 2011 supaya menjadi lebih produktif dan menjana pulangan lumayan. Antara tindakan yang akan diambil adalah:

Pertama: Membangunkan Zon Akuakultur Bersepadu dengan skala besar, di Pitas, Sungai Telaga dan Sungai Padas di Sabah serta di Batang Ai dan Tanjung Manis di Sarawak yang menepati piawaian serta menghasilkan produk berkualiti dengan peruntukan 252 juta ringgit;

Kedua: Sejumlah 235 juta ringgit disediakan bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran padi di Kawasan Pembangunan

Pertanian Muda yakni MADA, Kedah dan kawasan lain dengan menaik taraf sistem pengairan dan penggunaan benih padi bermutu tinggi.

- Ketiga: Menggalakkan petani menceburi bidang pertanian bernilai tinggi seperti industri sarang burung walit, akuakultur, rumpai laut, ikan hiasan, herba dan rempah ratus dengan menyediakan peruntukan berjumlah 135 juta ringgit bagi penyediaan prasarana asas;
- Keempat: Memperuntuk 80 juta ringgit bagi menjalin kerjasama di antara petani buah-buahan dan sayur-sayuran secara kecil-kecilan dengan syarikat peneraju;
- Kelima: Menambah baik Kolej Pertanian di Kubang Pasu, Kedah dengan membina makmal diagnostik yang melibatkan peruntukan 70 juta ringgit;
- Keenam: Membina Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan di Semenyih, Selangor dengan peruntukan sebanyak, 15.7 juta ringgit; dan
- Ketujuh: Melanjutkan galakan potongan cukai pendapatan bagi pelabur dan pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan selama 5 tahun lagi, sehingga 2015.

### ***Merancakkan Industri Pelancongan***

36. Merujuk pula **industri pelancongan** yang menjana hasil 53 bilion ringgit pada tahun 2009, ia berpotensi untuk mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan serta meningkatkan lagi pendapatan negara. Berdasarkan Laporan *United Nations World Tourism Organisation*, pada tahun 2009, Malaysia menduduki tangga ke-9 dari segi bilangan ketibaan

pelancong. Usaha akan dipergiatkan lagi untuk menarik lebih ramai pelancong dengan menyediakan pakej dan produk pelancongan yang inovatif. Untuk ini, Kerajaan akan melaksanakan inisiatif seperti berikut:

- Pertama: Memperuntukkan sebanyak 85 juta ringgit untuk menyediakan kemudahan infrastruktur bagi membolehkan pembinaan hotel dan resort peranginan di kawasan pedalaman yang berpotensi menarik pelancong;
- Kedua: Membina beberapa laluan pejalan kaki berbumbung di kawasan lingkaran KLCC-Bukit Bintang dengan peruntukan sebanyak 50 juta ringgit;
- Ketiga: Menyusun semula Jabatan Penerangan Awam menjadi Lembaga Penerangan Awam; dan
- Keempat Nexus Karambunai, sebuah resort terkemuka di Sabah telahpun komited untuk membangunkan resort bersepadu *eco-nature* yang pertama seumpamanya di dunia, bagi memanfaatkan kelebihan keindahan alam semula jadi, dan keunikan tersendiri di Karambunai, Sabah berjumlah 3 bilion ringgit akan bermula tahun hadapan. Bagi menyokong industri pelancongan di Malaysia, Kerajaan akan memperuntukkan 100 juta ringgit;

37. Seterusnya, bagi menjadikan Malaysia destinasi utama membeli belah (*shopping haven*) di rantau Asia dengan menawarkan barang berjenama pada harga yang kompetitif. Kerajaan mencadangkan supaya duti import ke atas kira-kira 300 barang kegemaran pelancong dan rakyat tempatan, pada kadar 5 peratus sehingga 30 peratus dimansuhkan. Barang ini merangkumi kegunaan harian seperti beg tangan, kasut, sut, baju kanak-kanak, dompet, pewarna rambut, bola golf, barang kemas tiruan, bedak talkum, syampu, langsir, alas meja, selimut, cedar, kemeja, baju tidur, pakaian dan pakaian malam, seluar dan seluar dalam serta wangi-wangian, termasuklah kelambu.

### **Memangkin Industri Minyak Sawit dan Produk Berkaitan**

Tuan Yang di-Pertua,

38. Pada masa kini, hasil eksport minyak sawit mentah berjumlah 37 bilion ringgit, manakala produk berdasarkan minyak sawit mencecah 13 bilion ringgit pada tahun 2009. Industri ini sebenarnya boleh diperkembangkan lagi di peringkat hiliran untuk menjana pendapatan lebih besar kepada pengusaha estet dan pekebun kecil. Dalam usaha **memangkin industri minyak sawit dan produk berkaitan**, beberapa langkah akan dilaksanakan:

Pertama: Meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penanaman semula pokok sawit lama dengan klon baru bermutu tinggi dengan dana sebanyak 297 juta ringgit; dan

Kedua: Sejumlah 127 juta ringgit diagihkan bagi menyokong syarikat *oleo derivatives* tempatan serta sejumlah 23 juta ringgit lagi untuk mengembangkan industri hiliran minyak sawit, termasuk pengeluaran vitamin.

### **Meningkatkan Potensi Industri Teknologi Maklumat dan ICT**

Tuan Yang Di-Pertua,

39. Pembangunan Koridor Multimedia akan memasuki fasa ketiga, bermula tahun hadapan. Tumpuan diberikan kepada penjanaan ekonomi digital yang inovatif bagi mencapai sasaran negara berpendapatan tinggi. Dalam meningkatkan potensi industri teknologi maklumat ICT, program *MY Creative Content* akan dilaksana bagi menggalakkan pembangunan penciptaan kandungan tempatan, *hosting* kandungan tempatan dan pembukaan saluran baru untuk kandungan. Program ini melibatkan peruntukan sebanyak 119 juta ringgit.

40. Kerajaan, akan juga melanjutkan tempoh galakan elauan pelaburan kepada penyedia kemudahan sambungan terakhir perkhidmatan jalur lebar, dan juga melanjutkan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan jalur lebar selama 2 tahun sehingga 2012.

41. Pada masa ini, telefon bimbit biasa dikenakan cukai jualan 10 peratus manakala telefon bimbit yang mempunyai pelbagai aplikasi seperti internet dan *personal digital assistant* (PDA) dikecualikan cukai jualan. Bagi tujuan penyelarasan, Kerajaan mencadangkan, cukai jualan, dikecualikan, ke atas semua jenis telefon bimbit.

### ***Menggalakkan Sektor Perkhidmatan Perniagaan***

Tuan Yang di-Pertua,

42. Kerajaan akan terus menggalakkan sektor perkhidmatan perniagaan sejajar dengan peningkatan permintaan untuk membaik pulih dan menyelenggara kapal terbang serta helikopter. Kawasan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang akan dibangunkan sebagai pusat penyelenggaraan dan membaik pulih kapal terbang serta mengadakan latihan khusus untuk melahirkan pakar dalam bidang tersebut. Kerajaan, akan menyediakan sejumlah 91 juta ringgit untuk pembangunan modal insan dalam industri perkhidmatan penyelenggaraan, baik pulih dan rombak rawat atau MRO, program latihan kejuruteraan *aerospace* dan *aeronautical* serta promosi perkhidmatan penyumberan luar perniagaan.

### ***Pembangunan Koridor dan Wilayah***

43. **Pembangunan koridor dan wilayah** akan dipercepatkan dengan memberi tumpuan kepada sebilangan kluster yang mempunyai kelebihan dari segi pengkhususan dan geografi. Usaha membangunkan kawasan koridor akan berfokus kepada projek usaha sama antara pelabur luar dan tempatan serta industri yang mempunyai kelebihan daya saing dan berimpak tinggi dengan bajet 850 juta ringgit bagi menyediakan infrastruktur sokongan.

44. Di Iskandar Malaysia, sejumlah 339 juta ringgit disediakan oleh Kerajaan, antaranya membina lebuh raya, memajukan kawasan perumahan serta menyedia dan memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam. Manakala, pelaburan komited oleh pihak swasta di wilayah ini sehingga Jun 2010, berjumlah 62 bilion ringgit, melepas sasaran 47 bilion ringgit. Jumlah yang telah dilaburkan sehingga Jun 2010 ialah 25 bilion ringgit. Projek yang dijangka siap dalam tahun 2011 adalah Newcastle University Medicine Malaysia, *Chelsea Factory Outlet* serta Legoland dan Marlborough College pada tahun 2012.

45. Bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara pula, diperuntukkan 133 juta ringgit, antaranya untuk membangun Pusat Pemprosesan Hasil Pertanian, Infrastruktur Pelancongan dan Pusat Inkubator Bioteknologi. Di Wilayah Ekonomi Pantai Timur, peruntukan 178 juta ringgit disediakan, antaranya bagi melaksanakan projek Taman Industri, Loji Rawatan Air, pembangunan kawasan pelancongan serta kawasan bekas Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka.

46. Bagi wilayah SCORE, sejumlah 93 juta ringgit disediakan untuk projek kemudahan telekomunikasi, bekalan air, lapangan terbang, jalan raya serta taman industri makanan halal. Manakala, bagi Koridor Pembangunan Sabah, diperuntukkan 110 juta ringgit, antaranya untuk projek kelompok industri kelapa sawit, agro-industrial presint dan pusat penternakan bersepadu.

### ***Menggalakkan Aktiviti R&D&C***

47. Selanjutnya, untuk melonjak ekonomi ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi, **aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C)** akan dijadikan landasan peningkatan aktiviti nilai ditambah dalam setiap bidang ekonomi dengan bajet sebanyak 411 juta ringgit.

48. Kerajaan juga telah menubuhkan Unit Inovasi Khas (UNIK) di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai pusat sehenti untuk merangka dasar dan strategi bagi menyediakan ekosistem kondusif. Satu Akta akan digubal untuk membolehkan UNIK mengkomersilkan hasil penemuan R&D oleh universiti dan institusi penyelidikan. Beberapa program dan aktiviti akan dirangka untuk meningkatkan inovasi, penciptaan produk baru dan pengkomersilan. Bagi tahun 2011, UNIK diperuntukkan sebanyak 71 juta ringgit.

### ***Menambah baik Perundangan Insolvensi***

Tuan Yang di-Pertua,

49. Tentu ramai yang tahu, ketika krisis ekonomi melanda, terdapat usahawan dan individu menghadapi masalah kewangan dan ada di antara mereka diisyiharkan bankrap. Mereka telah disenarai hitam dan tidak dapat berniaga atau membuat pinjaman. Untuk memberi peluang kedua, **Akta Insolvensi baru** akan menyatukan Akta Kebankrapan 1967 dan Bahagian 10 Akta Syarikat 1965, termasuk memperkenalkan peruntukan berkenaan mekanisme penyelamat bagi syarikat dan individu bermasalah kewangan yang melibatkan perubahan had minimum kebankrapan pada masa ini berjumlah 30 ribu ringgit.

### ***Memajukan lagi Industri Kreatif***

50. **Industri kreatif mempunyai potensi besar untuk dimajukan lagi bagi menjana pendapatan negara.** Industri ini meliputi animasi, pengiklanan, perfileman, seni reka fesyen, kraf dan warisan budaya. Untuk memanfaatkan potensi industri ini, Kerajaan akan membangunkan dasar industri kreatif secara bersepadu. Sejumlah 200 juta ringgit disediakan untuk perolehan hasil kreatif seperti filem, drama dan dokumentari keluaran tempatan yang berkualiti tinggi.

51. Sementelah itu, kedudukan kewangan yang kukuh adalah penting bagi menjamin kesejahteraan masa hadapan negara. Bagi mencapai matlamat

ini, Kerajaan mencadangkan agar kadar cukai perkhidmatan dinaikkan hanya satu peratus kepada 6 peratus. Kerajaan percaya langkah kenaikan yang kecil ini tidak membebankan kerana rakyat mempunyai pilihan untuk mendapat perkhidmatan yang tidak dikenakan cukai perkhidmatan. Malah, nilai jualan tahunan (*threshold*) bagi perkhidmatan sedia ada masih lagi dikekalkan. Seiring dengan hala tuju ini, Kerajaan juga mencadangkan cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan penyiaran TV berbayar.

### **Memperkuuh Kedudukan Kewangan Negara**

52. Kerajaan akan meneruskan usaha untuk **memperkuuhkan kedudukan kewangan negara** dengan memantapkan kutipan hasil dan memastikan perbelanjaan secara berhemat. Ini termasuklah menekankan nilai untuk wang (*value-for-money*) dan pengurusan nilai (*value management*) secara menyeluruh. Sebagai contoh, langkah yang diambil termasuklah tender terbuka, tender terhad dan peraduan reka bentuk yang terbaik untuk hospital Kerajaan. Bagi memantapkan kutipan hasil, Kerajaan akan memperkuuhkan lagi sistem kutipan cukai dengan meningkatkan penguatkuasaan dan pengauditan serta memperluaskan liputan ke atas semua pihak yang sepatutnya membayar cukai.

## **STRATEGI KEDUA: MEMBANGUNKAN MODAL INSAN**

Tuan Yang di-Pertua,

53. **Strategi kedua adalah membangunkan modal insan.** Aset negara yang paling penting bagi sesebuah negara adalah modal insannya. Telah terbukti bahawa negara yang tidak mempunyai sumber asli tetapi bijak mengurus modal insan akan mencapai kejayaan lebih baik dari negara yang semata-mata bergantung kepada sumber aslinya. Malaysia tidak mampu terperangkap dengan ketagihan sumber asli yang bersifat boleh pupus. Syukur, kita telah berjaya mengurus sumber asli kita dengan baik tetapi kita juga berkewajipan merancang pembangunan modal insan secara lestari, jika tidak, kita tidak akan mampu mengoptimumkan potensi nasional.

54. Modal insan yang berkualiti, berkemahiran dan berpengetahuan, kreatif dan inovatif adalah prasyarat bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Oleh itu, aspek pendidikan dan latihan akan disusun semula dan diperkuuhkan. Untuk tujuan ini, belanja mengurus diperuntukkan sebanyak 29.3 bilion ringgit untuk Kementerian Pelajaran, 10.2 bilion ringgit disediakan untuk Kementerian Pengajian Tinggi dan 627 juta ringgit untuk Kementerian Sumber Manusia.

### ***Mempergiat Usaha Menarik Bakat***

Tuan Yang di-Pertua,

55. Sejak sekian lama, pendidikan anak-anak Malaysia adalah sesuatu yang dekat di hati saya. Justeru, Kerajaan tidak akan berdikit dalam soal pendidikan anak-anak kita dan kita tidak akan berkompromi dengan kualiti sistemnya. Mereka mesti disediakan dengan segala kelebihan untuk bersaing menghadapi zaman yang penuh mencabar.

56. Menyedari hakikat inilah, bagi menambah bilangan **tenaga kerja yang berbakat dan berkualiti** di pasaran tempatan, Kerajaan akan berusaha untuk menarik, memotivasi dan mengekalkan modal insan yang berkemahiran dari dalam dan luar negara. Justeru, Kerajaan akan menujuhkan *Talent Corporation* di bawah Jabatan Perdana Menteri pada awal tahun 2011. *Talent Corp* ini akan menggubal *National Talent Blueprint* dan membangunkan pangkalan data tenaga kerja berkepakaran serta menjalin kerjasama dengan jaringan bakat di seluruh dunia.

### ***Memperluas Akses kepada Pendidikan Berkualiti***

57. **Sistem pendidikan negara** akan dirombak dengan memberi penekanan kepada daya pemikiran, sahsiah diri, kreativiti, inovasi dan daya saing. Untuk Kementerian Pelajaran, peruntukan pembangunan sebanyak 6.4 bilion ringgit disediakan bagi membina dan menaik taraf sekolah, asrama,

kemudahan dan peralatan serta memartabatkan profesion guru. Di samping itu, sejumlah 213 juta ringgit lagi dibajet sebagai ganjaran kepada sekolah berprestasi tinggi serta imbuhan kepada Pengetua atau Guru Besar dan Guru Cemerlang.

### ***Memperkasa Pendidikan Awal***

Tuan Yang di-Pertua,

58. Anak-anak itu fitrah, ibarat kain yang putih. Kerana itulah, pembangunan modal insan mesti bermula dari peringkat kanak-kanak supaya mereka dapat dipupuk dengan nilai murni dan disemai dengan ilmu pengetahuan. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan akan meningkatkan kadar enrolmen prasekolah dengan sasaran 72 peratus menjelang akhir tahun 2011 melalui penambahan 1,700 kelas, pemantapan kurikulum serta pelantikan 800 guru prasekolah lepasan Ijazah.

59. Kerajaan juga memperuntukkan 111 juta ringgit untuk program PERMATA, antaranya bagi pembinaan Fasa II Kompleks Sekolah PERMATA Pintar, membina 32 Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) dan membiayai operasi 52 PAPN yang telah siap serta meneruskan program PERMATA Pintar, Seni, Insan dan Remaja.

### ***Memantapkan Pendidikan Sekolah Rendah dan Menengah***

60. Setiap anak Malaysia juga tidak kira apapun latar kaum, adalah aset nasional dan warisan masa depan negara. Bidang pendidikan haruslah bersifat lampau politik. Menjunjung maksud ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak 250 juta ringgit untuk sekolah bantuan modal agama, sekolah bantuan modal jenis kebangsaan Cina, sekolah kebangsaan Tamil, sekolah bantuan modal mualigh dan sekolah bantuan Kerajaan seluruh negara.

61. Sebagai mengiktiraf pendidikan Islam pula, Kerajaan bersetuju untuk membiayai bantuan per kapita untuk sekolah-sekolah agama rakyat rendah dan menengah dengan peruntukan sebanyak 95 juta ringgit.
62. Selanjutnya, bagi menyediakan guru serta tenaga pengajar kompeten dan berkualiti yang dapat membimbing dan mendidik pelajar sekolah dengan sebaiknya, Kerajaan telah menyediakan 576 juta ringgit dalam bentuk biasiswa kepada mereka yang ingin melanjutkan pengajian.
63. Sejumlah 213 juta ringgit pula diperuntukkan bagi mengangkat tinggi penguasaan Bahasa Malaysia, mempersadakan Bahasa Inggeris dan memperkemaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Sehubungan dengan ini, Kerajaan bersetuju untuk mengambil 375 guru penutur jati, antaranya daripada United Kingdom dan Australia untuk meningkatkan lagi pengajaran Bahasa Inggeris.

### ***Memperkasa Pengajian Tinggi***

Tuan Yang di-Pertua,

64. **Memperkasa institusi pengajian tinggi bertaraf dunia merupakan agenda utama Kerajaan kerana sumbangannya yang signifikan kepada kemajuan sosioekonomi negara.** Langkah berikut akan dilaksanakan:

Pertama: Menambah peratusan staf akademik berkelulusan PhD kepada 75 peratus bagi universiti penyelidikan dan 60 peratus bagi IPTA lain dengan peruntukan sebanyak 20 juta ringgit; dan

Kedua: Menambah baik peluang kenaikan pangkat pensyarah di IPTA di mana pensyarah boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat ke peringkat tertinggi Gred Turus III,II dan I serta dianugerahkan sebagai Profesor Ulung tanpa memegang jawatan pentadbiran.

### ***Mempergiat Program Latihan dan Kemahiran***

65. Berkaitan itu, Kerajaan menyediakan 60 juta ringgit bagi mempergiatkan lagi *Program Industrial Skill Enhancement Programme* di Pusat Latihan Kemahiran Negeri. Program ini akan meningkatkan kemahiran graduan kejuruteraan dan pekerja teknikal selaras dengan keperluan pasaran. Di samping itu, sejumlah 220 juta ringgit turut disediakan bagi memastikan siswazah jurusan lain dapat mengembang kompetensi dan kebolehpasaran mereka. Antaranya, melalui Program Pentauliahan Profesional, Pembangunan Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Skim Pengurusan Kebolehpasaran Siswazah. Selain itu, Kerajaan juga akan menyediakan peruntukan sebanyak 50 juta ringgit kepada Multimedia Development Corporation untuk melatih graduan dalam bidang ICT supaya dapat meningkatkan kebolehpasaran dan memenuhi keperluan industri ICT.

66. Golongan bukan siswazah seperti lepasan sekolah, belia dan pekerja, juga, diberi perhatian oleh Kerajaan, memandangkan tenaga mereka diperlukan, terutamanya oleh industri dalam bidang teknikal. Untuk itu, sejumlah 474 juta ringgit diagihkan bagi meningkatkan produktiviti dan kemahiran di bawah pelbagai institusi latihan.

### ***Program Latihan 1Malaysia***

67. Seperkara yang penting, negara memerlukan modal insan yang sentiasa menambah ilmu pengetahuan melalui peningkatan kemahiran dan mempelajari kemahiran baru (*upskilling and reskilling*). Sehubungan itu, suka cita saya mengumumkan Program Latihan 1Malaysia (*1Malaysia Training Programme*) yang akan dilaksanakan mulai Januari 2011 dengan peruntukan sebanyak 500 juta ringgit.

68. Program latihan ini mempunyai tiga komponen. Pertama, sebanyak 200 juta ringgit untuk menjalankan latihan sambilan di sebelah malam dan di hujung minggu, di pusat latihan terpilih, di seluruh negara. Ia akan dikendalikan oleh Kolej Komuniti, Institut Kemahiran Belia Negara, Pusat Giat

Mara dan Institut Latihan Perindustrian dengan kemudahan sedia ada. Antara kursus yang ditawarkan pada sebelah malam adalah kursus Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan kelas muzik. Manakala, di hujung minggu kursus berbentuk kemahiran dan teknikal akan dilaksanakan, termasuk *baking*, menjahit, spa, mekanik, elektrik dan kimpalan.

69. Kedua, Program Latihan 1Malaysia juga meliputi peruntukan 200 juta ringgit dari Tabung Pembangunan Sumber Manusia yang membolehkan syarikat membiayai program latihan khusus bagi pekerja mereka. Ketiga, Kementerian Sumber Manusia juga menyediakan 100 juta ringgit untuk membolehkan pekerja meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang teknikal.

### ***Meningkatkan Produktiviti Pekerja***

70. Selaras dengan **peningkatan produktiviti, golongan pekerja** seharusnya mendapat upah dan ganjaran yang lebih tinggi untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat. Sukacita saya mengumumkan, penubuhan Majlis Konsultasi Gaji Negara untuk menjadi platform utama dalam penetapan upah. Majlis ini yang akan diwakili oleh majikan, kesatuan pekerja, kumpulan pekerja tanpa persatuan, agensi Kerajaan, akademia, NGO dan individu. Sekretariat bagi majlis ini adalah Kementerian Sumber Manusia.

71. Kadar dan mekanisme penetapan gaji minimum akan ditentukan oleh Majlis Konsultasi Gaji Negara. Contohnya, pada masa ini, gaji pokok permulaan posmen telah dinaikkan kepada 710 ringgit sebulan pada 1 Julai 2010 berbanding 610 ringgit. Dengan kenaikan ini, upah keseluruhan posmen meningkat daripada 1,035 ringgit sebulan kepada 1,285 ringgit, termasuk elaun tetap. Bagi pengawal keselamatan pula, Kerajaan akan menguatkuasa gaji pokok minimum kepada 500 hingga 700 ringgit sebulan mengikut kawasan berbanding 300 hingga 400 ringgit pada masa ini. Dengan kenaikan ini, pendapatan keseluruhan pengawal keselamatan termasuk elaun adalah

melebihi seribu ringgit sebulan. Kenaikan ini berkuat kuasa mulai Januari 2011.

72. Selain itu, Kerajaan akan meneruskan langkah pengurangan bilangan pekerja asing dengan menaikkan levi secara berperingkat mengikut sektor. Pada masa yang sama, majikan akan diwajibkan untuk memperoleh insurans kesihatan bagi pengambilan pekerja asing mereka.

### ***Memperluas Penglibatan Wanita dalam Ekonomi***

Tuan Yang di-Pertua,

73. Wanita yang membentuk separuh penduduk Malaysia adalah nadi keluarga dan pembangunan negara. Oleh sebab itu, **Kerajaan mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh wanita** pabila negara bergerak menuju kemajuan. Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan, Kerajaan memperuntukkan 30 juta ringgit, antaranya memperkenalkan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal dan mengadakan Anugerah Perdana Usahawan dan Tokoh Aktivis Wanita bersempena Hari Wanita mulai tahun 2011.

74. Demi menggalakkan penyertaan lebih ramai wanita sebagai pekerja separuh masa, Kerajaan telah menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 mulai 1 Oktober 2010. Lantas, saya menyeru pihak swasta dapat mengambil pekerja separuh masa wanita, terutamanya, mereka yang telah berumah tangga. Kerajaan juga akan melaksanakan program perintis *Small Office Home Office* untuk wanita kurang upaya selama 3 bulan bagi melatih wanita OKU dalam pelbagai bidang kemahiran.

75. Laginya, bagi membantu golongan wanita yang tidak berkemampuan, mendapat perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan awal yang berkualiti bagi anak-anak mereka, Kerajaan akan menyedia dan menjenamakan semula 40 buah TASKA 1Malaysia, dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

76. Sememangnya pun, Kerajaan sungguh mengambil berat dengan kerjaya dan kebajikan penjawat awam wanita. Mereka juga perlu memberi tumpuan kepada penjagaan keluarga, terutamanya anak yang baru dilahirkan. Bagi menambah baik kemudahan cuti bersalin kepada penjawat awam wanita, Kerajaan memberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin bergaji penuh tidak melebihi 90 hari berbanding 60 hari pada masa ini. Kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada kelayakan keseluruhan bilangan Cuti Bersalin sebanyak 300 hari sepanjang tempoh perkhidmatan.

77. Dari semasa ke semasa, Kerajaan telah merintis jalan dan membuka peluang kepada wanita berkelayakan memegang jawatan di peringkat tertinggi dalam perkhidmatan awam. Pada akhir 2009, wanita yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam telah mencapai tahap 30.5 peratus. Justeru, saya ingin menyeru pihak swasta memberi peluang kepada lebih ramai wanita menjawat jawatan di peringkat pembuat keputusan, khususnya sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif.

### ***Pembangunan Sukan Negara***

Tuan Yang di-Pertua,

78. Kerajaan akan terus **menggalakkan pembangunan dan penyelidikan sukan**, memperbanyakkan penganjuran sukan antarabangsa, menyediakan kemudahan dan kepakaran untuk melahirkan atlet yang berdaya saing dan membangunkan sukan berprestasi tinggi. Untuk pembangunan dan mengurus aktiviti sukan, sebanyak 365 juta ringgit disediakan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Selain itu, bagi memajukan sukan bola sepak, Kerajaan akan menubuhkan Akademi Bola Sepak, di Pahang, dengan peruntukan 20 juta ringgit, bagi melahirkan pemain bola sepak yang berkualiti dan berkemahiran tinggi.

79. Bercakap tentang sukan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada semua atlet negara yang telah menyertai Sukan Komanwel Ke-19 di New Delhi. Saya mengucapkan tahniah kepada

pemenang pingat yang telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa yang telah melepas sasaran 10 emas dengan menggondol 12 pingat emas. Untuk makluman semua, pencapaian pingat di temasya kali ini menyaksikan rekod rangkulan emas terbaik negara dalam penyertaan Sukan Komanwel.

### **STRATEGI KETIGA: MENSEJAHTERAKAN HIDUP RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua,

80. **Strategi ketiga adalah mensejahterakan hidup rakyat.** Sudah lumrahnya, tugas dan tanggungjawab utama Kerajaan adalah untuk memartabatkan kehidupan rakyat. Status negara maju tidak akan bermakna jika kualiti hidup rakyatnya merosot. Pokoknya, dalam usaha kita menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, kita perlu memantapkan pembangunan sosioekonomi secara inklusif. Ini penting bagi menghasilkan kemajuan yang lebih seimbang dan memastikan kualiti hidup yang lebih baik.

#### ***Membantu Golongan Kurang Bernasib Baik***

81. **Ternyata, Kerajaan menjiwai keluh kesah dan kesukaran hidup yang dihadapi oleh golongan kurang bernasib baik.** Tumpuan akan terus diberikan untuk memastikan kebajikan mereka terpelihara. Bagi tahun 2011, Kerajaan memperuntukkan 1.2 bilion ringgit kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menjalankan pelbagai program berbentuk kebajikan dan kemasyarakatan. Antara program dan insentif yang disediakan:

Pertama: Program bantuan kebajikan warga emas dengan peruntukan 166 juta ringgit untuk mengatasi masalah golongan ini yang dijangka meningkat melebihi 15 peratus daripada jumlah penduduk negara menjelang 2030;

- Kedua: Program bantuan kanak-kanak dengan peruntukan 121 juta ringgit disediakan bagi membolehkan mereka menerima perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan awal yang berkualiti. Program ini akan memanfaatkan seramai 97 ribu kanak-kanak;
- Ketiga: Program bantuan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang melibatkan peruntukan sebanyak 218 juta ringgit akan dimanfaatkan oleh 80 ribu OKU;
- Keempat: Pengecualian duti eksais dinaikkan daripada 50 peratus kepada 100 peratus ke atas sebuah kenderaan nasional yang dibeli oleh OKU; dan
- Kelima: Membina sebuah pusat intervensi bagi menangani golongan tuna wisma dan gelandangan dengan menyediakan peluang pekerjaan, kemudahan perumahan dan kaunseling.

Tuan Yang di-Pertua,

82. Sementara itu, sejak 2008, Kerajaan telah memberikan rebat bayaran bil elektrik bagi penggunaan bawah 20 ringgit sebulan yang telah membawa manfaat kepada lebih 1 juta pengguna di seluruh negara. Sehubungan itu, Kerajaan berkeputusan meneruskan usaha murni ini dengan peruntukan 150 juta ringgit untuk meringankan beban golongan berpendapatan rendah.

83. Para pendeta bermadah, kasihnya ibu membawa ke syurga, kasihnya ayah berkorban raga. Pada masa ini, pelepasan cukai ke atas perbelanjaan perubatan ibu bapa terhad kepada perubatan di klinik dan hospital, termasuk rawatan di *nursing home* serta rawatan pergigian. Bagi terus membantu meringankan kos membiayai perbelanjaan penjagaan ibu bapa, Kerajaan mencadangkan pelepasan cukai sehingga 5 ribu ringgit yang sedia ada diperluaskan bagi meliputi perbelanjaan lain seperti bayaran menghantar ibu bapa ke rumah jagaan harian, bayaran menggaji pembantu khusus menjaga

ibu bapa dan perbelanjaan keperluan harian mereka yang lain seperti lampin pakai buang.

### ***Meningkatkan Pemilikan Rumah***

Tuan Yang di-Pertua,

84. **Kerajaan sangat memahami keperluan setiap rakyat untuk memiliki rumah yang selesa**, terutamanya bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah. Untuk itu, sejumlah 568 juta ringgit disediakan bagi membina 300 unit kediaman di bawah Projek Bantuan Perumahan Bandar, 79 ribu unit di bawah Program Perumahan Rakyat dan 8 ribu unit di bawah Projek Bantuan Sewa Rumah. Selain itu, bagi membantu golongan pekerja estet memiliki rumah, Kerajaan akan menyediakan Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah dengan peruntukan 50 juta ringgit yang dikendalikan oleh Bank Simpanan Nasional. Skim ini terbuka kepada pekerja tetap estet, warganegara Malaysia, untuk mendapatkan pinjaman perumahan maksimum sebanyak 60 ribu ringgit bagi membeli rumah kos rendah pada kadar faedah maksimum 4 peratus dengan tempoh pinjaman sehingga 40 tahun, menjangkau generasi kedua.

85. Sesungguhnya lagi, Kerajaan maklum akan kesukaran yang dihadapi oleh rakyat terutama golongan muda yang baru bekerja dengan pendapatan kurang daripada 3 ribu ringgit sebulan untuk memiliki rumah. Bukan mudah untuk mereka bertarikh dalam realiti kehidupan. Untuk membantu golongan ini, Kerajaan akan memperkenalkan Skim Rumah Pertamaku melalui Cagamas, yang akan menawarkan jaminan Kerajaan ke atas bayaran pendahuluan sebanyak 10 peratus bagi harga rumah di bawah 220 ribu ringgit. Skim ini adalah untuk pembeli rumah pertama yang berpendapatan isi rumah kurang daripada 3 ribu ringgit sebulan. Dalam kata lain, pembeli rumah mendapat pinjaman 100 peratus tanpa perlu mengeluarkan 10 peratus wang pendahuluan, seperti amalan lazim.

86. Pada masa yang sama, hanya, pembeli rumah pertama juga akan diberi pengecualian duti setem sebanyak 50 peratus ke atas surat cara pindah milik

sebuah rumah yang berharga tidak melebihi 350 ribu ringgit. Kerajaan juga mencadangkan pengecualian duti setem sebanyak 50 peratus diberi ke atas surat cara perjanjian pinjaman bagi membiayai pembelian rumah pertama tersebut.

### ***Meningkatkan Taraf Hidup Penduduk Luar Bandar***

Tuan Yang di-Pertua,

87. Usaha untuk membawa pembangunan ke kawasan luar bandar sudah lama bermula di negara ini. Apabila darurat hampir tamat, Kerajaan pada ketika itu telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menerajui usaha membawa nikmat pembangunan ke kawasan luar bandar. Kerajaan sekarang komited meneruskan usaha ini sekalipun hampir 60 peratus penduduk Malaysia kini tinggal di kawasan bandar. Apa yang pasti, dalam usaha mentransformasi negara menjadi maju, **Kerajaan tidak akan sekali-kali meminggirkan rakyat luar bandar**. Projek dan program pembangunan bagi mempertingkatkan taraf hidup penduduk luar bandar akan diberi keutamaan. Sejumlah 6.9 bilion ringgit disediakan untuk pelaksanaan infrastruktur asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan luar bandar. Antara projek utama yang akan dilaksanakan adalah:

Pertama: Membina dan menaik taraf jalan luar bandar di Sabah dan Sarawak dengan peruntukan berjumlah 2.1 bilion ringgit dan di Semenanjung 696 juta ringgit;

Kedua: Menyedia bekalan air dan elektrik luar bandar di Sabah dengan peruntukan 1.5 bilion ringgit, Sarawak 1.2 bilion ringgit dan Semenanjung 556 juta ringgit;

Ketiga: Melaksanakan program bantuan rumah untuk golongan miskin dan miskin tegar dengan peruntukan 300 juta ringgit. Program ini melibatkan pembinaan dan baik pulih 12 ribu unit rumah di seluruh negara terutamanya di Sabah dan Sarawak; dan

Keempat: Menyediakan Unit Khas Bergerak Jabatan Pendaftaran Negara bagi memudahkan penduduk kawasan terpencil di Sabah, Sarawak dan Semenanjung untuk mendaftar kerakyatan.

### ***Meringankan Beban Hidup Rakyat***

88. Bagi meningkatkan pengeluaran makanan, Kerajaan memperuntukkan 974 juta ringgit sebagai pemberian subsidi harga padi, baja dan benih padi serta 230 juta ringgit untuk insentif pengeluaran dan peningkatan hasil padi. Kerajaan juga menyediakan sejumlah 170 juta ringgit bagi insentif hasil tangkapan ikan nelayan serta pemilik dan pekerja bot untuk meningkatkan hasil tangkapan.

89. Kini, masalah harga barang lebih tinggi yang dihadapi oleh penduduk di kawasan pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak serta kawasan tertentu di Semenanjung akibat kos pengangkutan, menjadi perhatian Kerajaan. Bagi menyeragamkan harga barang pada kadar yang hampir sama dengan kawasan lain, Kerajaan telah memperkenalkan Program Pengedaran Barang Perlu seperti beras, minyak masak, gula, tepung, gas, petrol dan diesel, pada tahun 2010 dengan peruntukan sebanyak 100 juta ringgit. Bagi tahun 2011 pula, peruntukan sebanyak 200 juta disediakan bagi meneruskan program ini.

90. Kita sedia maklum interaksi Kerajaan dan rakyat kerap dibangkitkan mengenai harga barang runcit. Dalam konteks ini, Kerajaan akan mewujudkan portal interaktif “1Malaysia Pengguna Bijak” bagi memudahkan rakyat mengikuti perkembangan harga terkini barang, meliputi hampir 7 ribu premis perniagaan seluruh negara. Melalui portal ini, pengguna mempunyai pilihan untuk mendapatkan sesuatu barang pada harga yang kompetitif. Pengguna juga boleh menggunakan khidmat pesanan ringkas untuk mengetahui harga terkini barang.

91. Selain daripada itu, untuk mengukuhkan lagi sektor pemberongan dan peruncitan, satu Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR), Bengkel Automotif serta projek Pasar Komuniti akan diperkenalkan untuk menaik taraf kemudahan supaya menjadi lebih menarik dan moden dengan peruntukan sebanyak 73 juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

92. Tanggapan bahawa kerajaan hanya berminat menumpukan kepada projek berskala besar tanpa mengendahkan kontraktor-kontraktor kecil adalah menyimpang dan tidak benar sama sekali. Hakikatnya, Kerajaan akan terus melaksanakan Projek Penyelenggaraan Aset Awam, atau lebih dikenali sebagai PIA / PIAS, dengan peruntukan 500 juta ringgit. Antara aktiviti yang terlibat ialah membaik pulih dan menaik taraf kemudahan awam, longkang, perparitan, titi, jambatan kecil dan pendawaian semula serta pembinaan jalan pertanian dan kampung. Saya yakin pelaksanaan projek seperti ini akan sedikit sebanyak membantu golongan kontraktor kelas F di seluruh negara.

### ***Menghargai Sumbangan Pemimpin Masyarakat***

Tuan Yang di-Pertua,

93. Sejak dulu, kini dan selamanya, jasa golongan pemimpin masyarakat tidak pernah dilupa. Tidak kira di kota atau di desa, sungguh tinggi baktinya. Lalu, untuk menghargai peranan pemimpin di peringkat kampung, Kerajaan akan menaikkan elaun bulanan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Persekutuan (JKKP), Tok Batin, Pengerusi JKKK Orang Asli dan Pengerusi Kampung Baru kepada 800 ringgit sebulan berbanding 450 ringgit pada masa ini.

94. Bagi memastikan elaun ini dinikmati oleh semua Ketua Kampung, elaun ini turut diberi kepada Pengerusi Jawatankuasa Kampung Baru Rangkaian dan

Pengerusi Jawatankuasa Kampung Bagan. Kerajaan juga akan menaikkan elaun kehadiran mesyuarat kepada semua Ahli Jawatankuasa dari 30 ringgit kepada 50 ringgit.

95. Di samping itu, elaun bulanan Imam juga akan dinaikkan dari 450 ringgit kepada 750 ringgit sebulan. Manakala, imbuhan bulanan guru KAFA dinaikkan kepada 800 ringgit sebulan berbanding 500 ringgit pada masa ini berkuat kuasa Januari 2011.

### ***Pembangunan Orang Asli dan Pribumi***

96. Seperti yang kita sedia maklum, kemajmukan Malaysia diasaskan daripada pelbagai suku kaum dan bangsa. Kita tidak pernah mendiskriminasi kelompok minoriti kerana mereka adalah warganegara dan rakyat Malaysia. Semua usaha pembangunan dibuat secara inklusif untuk turut **meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli dan Pribumi**. Sejumlah 100 juta ringgit diperuntukkan bagi melaksanakan pelbagai program, termasuk menyelesaikan isu pegangan hak milik tanah dan persempadanan penempatan Orang Asli serta membangunkan Model Baru Pembangunan Orang Asli. Selaras dengan ini, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan disusun semula dan diperkuuhkan dengan memberi nafas baru sebagai Jabatan Kemajuan Orang Asli.

### ***Mengurangkan Kos Pengangkutan***

Tuan Yang diPertua,

97. Kerajaan amat prihatin terhadap rakyat yang terpaksa menanggung kos pengangkutan yang semakin meningkat. Untuk meringankan beban pengguna lebuh raya, sukacita saya mengumumkan kadar tol di empat lebuhraya milik PLUS Expressway Berhad tidak akan dinaikkan bagi tempoh 5 tahun akan datang bermula serta-merta.

### ***Memperluas Perkhidmatan Kesihatan Awam***

98. Selanjutnya, Kerajaan komited untuk **memastikan akses kepada kesihatan berkualiti** dapat dinikmati oleh segenap lapisan rakyat. Bagi mencapai matlamat ini, sejumlah 15.2 bilion ringgit diperuntukkan bagi membina hospital baru, menambah bilangan doktor dan jururawat serta mendapatkan bekalan ubat dan peralatan perubatan. Sejak tahun lalu, sejumlah 51 buah Klinik 1Malaysia sudah beroperasi dan Kerajaan akan menambah lagi sebanyak 25 buah Klinik 1Malaysia.

### ***Memanteras Jenayah, Menjamin Keselamatan***

99. Keselamatan awam pula merupakan aspek penting dalam mewujudkan persekitaran yang selamat untuk negara. Dalam tempoh 9 bulan pertama 2010, indeks jenayah jalanan menurun 38 peratus manakala indeks jenayah keseluruhan menurun 16 peratus. Sehubungan itu, Kerajaan akan meneruskan usaha ini dengan peruntukan sebanyak 350 juta ringgit untuk melaksana pelbagai program, termasuk program membanteras jenayah pecah rumah, kecurian motosikal dan kereta serta menjalankan program bandar selamat dan program Skim Rondaan Sukarela, terutamanya di kawasan berisiko tinggi. Di samping itu, Kerajaan akan menambah 25 mahkamah khas untuk mempercepatkan perbicaraan.

### ***Memperkasa Peranan Badan Bukan Kerajaan***

Tuan Yang di-Pertua,

100. Kerajaan menghargai peranan yang dimainkan masyarakat sivil di dalam menyediakan perkhidmatan yang selama ini hanya dimainkan oleh pihak kerajaan. Kita melihat perkara ini sebagai satu perkara yang positif dan sesuatu yang melengkapi, ianya perlu terus digalakkan. **Kerajaan mengiktiraf sumbangan berharga NGO** dalam mengatasi gejala sosial, membantu golongan kurang bernasib baik dan menyediakan kemudahan perlindungan serta menjalankan program latihan dan penjanaan pendapatan.

101. Sebagai tanda pengiktirafan, Kerajaan akan memperuntukkan 70 juta ringgit kepada program dan aktiviti yang melibatkan NGO terpilih bagi membantu Kerajaan dalam memantapkan institusi keluarga dan menangani gejala sosial seperti pembuangan bayi, mat rempit dan gengsterisme. NGO tersebut akan melaksanakan program bersepadu bersama agensi Kerajaan, terutamanya di kawasan berisiko tinggi berlakunya jenayah supaya ia dapat dicegah lebih awal di peringkat akar umbi.

### ***Pemuliharaan Alam Sekitar***

102. Dalam aspek alam sekitar pula, suasana keliling yang mapan akan terus dipelihara. Sejumlah 1.9 bilion ringgit disediakan untuk membiayai projek pemuliharaan alam sekitar, antaranya melaksanakan program Sungai Nadi Kehidupan dan menghijaukan Kuala Lumpur. Selain itu, Kerajaan juga akan menjalankan usaha untuk memulihara sumber marin dan persisiran antaranya di Pantai Siring, Melaka; Pantai Sabak di Kelantan, Teluk Lipat di Terengganu dan Rompin di Pahang.

### ***Tanggungjawab Sosial Korporat***

Tuan Yang di-Pertua,

103. **Tanggungjawab Sosial Korporat** yang semakin menjadi trend kebelakangan ini, begitu kritikal dalam melaksanakan projek kemasyarakatan. Dalam hubungan ini pada tahun 2011, Khazanah Nasional Berhad dengan kerjasama Kementerian Pelajaran akan menjadikan 10 buah sekolah sebagai Sekolah Amanah (*Trust School*) yang dikendali secara lebih profesional untuk memastikan pelajar memperoleh pendidikan berkualiti. Untuk tujuan ini, selain daripada peruntukan lazim Kerajaan, Sekolah Amanah ini juga akan menerima sumbangan daripada Khazanah Nasional.

104. Untuk membantu kanak-kanak, terutamanya daripada golongan berpendapatan rendah mencapai prestasi yang cemerlang di sekolah pula,

1MDB akan menyediakan multi-vitamin untuk pelajar sekolah rendah. Program ini diharap akan dapat meningkatkan pembangunan mental dan mengukuhkan sistem imunisasi pelajar sekolah.

105. Berikutnya salah satu cadangan daripada makmal Pemuda yang diadakan beberapa bulan yang lalu, 1MDB akan turut menyumbang kepada pembangunan belia negara dengan penubuhan Dana Belia 1Malaysia berjumlah 20 juta ringgit bagi memupuk semangat 1Malaysia. Dalam bidang kesihatan pula, 1MDB akan melaksanakan Klinik Bergerak 1Malaysia dengan 4 buah bas Klinik Bergerak dengan kerjasama Kementerian Kesihatan akan disediakan.

#### **STRATEGI KEEMPAT: MEMPERKUKUH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM**

Tuan Yang di-Pertua,

106. **Strategi keempat adalah memantapkan penyampaian perkhidmatan awam.** Dalam mengemudi Malaysia menjadi negara maju, Kerajaan yang kini mempunyai 1.2 juta penjawat awam perlu mengoptimumkan sistem penyampaian Kerajaan di mana penambahbaikan sentiasa wajar diambil untuk mempertingkatkan produktiviti negara.

##### ***Mempermudah Berurusan Dengan Agensi Kerajaan***

107. Jelasnya, fungsi kerajaan adalah pemudahcara bukan penghadang. Berurusan dengan mana-mana agensi kerajaan seharusnya bersifat menyenangkan bukan menyusahkan. Untuk itu, Kerajaan akan terus mempermudahkan lagi sektor swasta berurusan dengan agensi Kerajaan. Ke arah ini, inisiatif MyCoID Gateway yang menggunakan nombor rujukan tunggal Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi menjalankan urusan telah pun dilaksanakan. Inisiatif MyCoID ini akan diperluaskan ke agensi-agensi dan kementerian lain.

108. Kerajaan juga akan memperkenalkan sistem permarkahan untuk memudahkan permohonan taraf penduduk tetap (PR). Permohonan PR kini boleh dilakukan selepas lima tahun bermastautin berbanding 10 tahun sebelum ini. Dengan sistem tersebut, permohonan taraf penduduk tetap akan lebih telus, pantas dan objektif berdasarkan kriteria yang jelas.

109. Bagi mempercepatkan proses pendaftaran harta tanah pula, Akta Setem 1949 telah dipinda untuk membolehkan penilaian harta tanah oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dilakukan selepas duti setem dibayar di Lembaga Hasil Dalam Negeri. Penambahbaikan ini akan dapat mengurangkan masa pendaftaran harta tanah daripada 30 hari kepada satu hari sahaja.

### ***Memperkemas Sistem Penilaian Prestasi***

Tuan Yang di-Pertua,

110. Penjawat awam selaku pelaksana dasar adalah komponen yang amat penting di dalam usaha negara merealisasikan wawasan kebangsaan. Tanpa agen pelaksana yang cekap, berkesan dan dinamik wawasan negara, akan hanya tinggal sekadar matlamat murni. Sehubungan dengan itu, dalam usaha berterusan menyediakan kerangka penilaian yang lebih bertanggungjawab, relevan dan menyeluruh serta mengambil kira maklumbalas para penjawat awam, Kerajaan bersetuju untuk memansuhkan sistem Penilaian Tahap Kecekapan atau PTK dan diganti dengan satu sistem penilaian yang lebih sesuai dan diterima baik oleh penjawat awam menjelang Jun 2011.

### ***Menghargai Sumbangan Penjawat Awam***

111. Di atas segalanya, **Kerajaan sentiasa menghargai sumbangan penjawat awam** yang memberi komitmen penuh dalam menjayakan inisiatif Kerajaan, termasuk Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi. Dengan harapan dan pesanan supaya penjawat awam terus berusaha, Kerajaan akan:

- Pertama: Meringankan beban penjawat awam untuk menampung perbelanjaan persiapan sekolah dengan memberi Bantuan Khas Kewangan sebanyak 500 ringgit. Bantuan kewangan ini akan diberi kepada penjawat awam gred 54 dan ke bawah, termasuk pegawai kontrak dan pesara Kerajaan. Pembayaran akan dibuat pada bulan Disember ini;
- Kedua: Menaikkan kadar Bantuan Mengurus Jenazah kepada 3 ribu ringgit berbanding seribu ringgit pada masa ini selaras dengan kenaikan kos pengurusan jenazah. Bantuan ini juga akan dipanjangkan kepada pesara Kerajaan; dan
- Ketiga: Menyambung perkhidmatan Pegawai Khidmat Singkat yang akan tamat perkhidmatan pada 31 Disember 2010 untuk tempoh setahun lagi. Kementerian dan agensi tidak dibenarkan untuk menambah bilangan Pegawai Khidmat Singkat baru.

112. Tambahan dari itu, bagi memudahkan penjawat awam memiliki rumah serta memperbaiki lagi syarat-syarat untuk membuat pinjaman perumahan, Kerajaan akan:

- Pertama: Mbenarkan pembelian harta tanah daripada ibu, bapa, anak dan adik-beradik;
- Kedua: Menggandakan kadar pinjaman kepada 20 ribu ringgit berbanding 10 ribu ringgit untuk kerja-kerja tambahan rumah kos rendah bagi Kumpulan Sokongan Dua; dan
- Ketiga: Menaikkan had kelayakan maksimum pinjaman perumahan kepada 450 ribu ringgit berbanding 360 ribu ringgit pada masa kini.

Kesemua langkah penambahbaikan pinjaman perumahan ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2011.

## **PERUNTUKAN BAJET 2011**

Tuan Yang di-Pertua,

113. Kerajaan komited untuk mempercepatkan proses transformasi dengan melaksanakan projek dan program di bawah RMK-10, NKRA dan NKEA dilaksanakan dengan jayanya. Untuk melaksanakan strategi dan langkah yang telah dibentang, saya mencadangkan sejumlah 212 bilion ringgit diperuntukkan bagi Bajet 2011 iaitu 2.8 peratus lebih tinggi berbanding peruntukan 2010. Daripada jumlah itu, 162.8 bilion ringgit adalah bagi perbelanjaan mengurus. Manakala, 49.2 bilion ringgit diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan.

114. Di bawah peruntukan mengurus, 45.6 bilion ringgit adalah bagi emolumen dan 28.2 bilion ringgit disediakan bagi Perkhidmatan dan Bekalan. Manakala, 86.4 bilion ringgit diperuntukkan kepada Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Sejumlah 1.4 bilion ringgit disediakan untuk Pembelian Aset dan baki 1.2 bilion ringgit untuk perbelanjaan lain.

115. Bagi peruntukan pembangunan pula, sebanyak 28.3 bilion ringgit disediakan bagi sektor ekonomi untuk menampung keperluan infrastruktur, perindustrian serta pertanian dan pembangunan luar bandar. Sejumlah 15.5 bilion ringgit diperuntukkan bagi sektor sosial, termasuk pendidikan dan latihan, kesihatan, kebajikan, perumahan serta pembangunan masyarakat. Seterusnya, 4.4 bilion ringgit diperuntukkan bagi pembangunan sektor keselamatan, 955 juta ringgit bagi pentadbiran am dan 2 bilion ringgit untuk simpanan luar jangka.

116. Dari segi kutipan hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2011, jumlahnya dianggarkan meningkat 2.3 peratus kepada 165.8 bilion ringgit, berbanding 162.1 bilion ringgit pada tahun 2010. Dengan mengambil kira anggaran hasil dan perbelanjaan, defisit Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2011 dijangka terus berkurangan kepada 5.4 peratus daripada KDNK, berbanding 5.6 peratus pada tahun 2010.

## **PENUTUP**

Tuan Yang di-Pertua,

117. Apa yang telah dirangka dan akan dilaksanakan ini merupakan visi bagi memenuhi aspirasi dan impian rakyat. Kita mahu membina sebuah Malaysia di mana setiap seorang mampu mencipta kebahagiaan. Kita mahu membina sebuah Malaysia di mana yang menghadkan kejayaan hanyalah sejauh mana kesanggupan seseorang itu berusaha dan bekerja keras.

118. Kesimpulannya, bajet ini telah mengambil kira keperluan semua rakyat Malaysia. Pembentangannya dimungkinkan oleh pengurusan kewangan negara yang cekap dan berhemat selama ini.

119. Wawasan saya dan rakan-rakan dalam kabinet adalah untuk meneruskan tradisi murni membawa kemakmuran ke seluruh pelusuk dan ceruk negara. Wawasan ini bukanlah sesuatu yang mustahil. Ia bukanlah pula satu impian yang kosong. Fakta dan sejarah telah membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional berupaya melakukannya selama puluhan tahun.

120. Kita telah berjaya mentransformasikan ekonomi Malaysia dari sebuah negara pertanian berpendapatan rendah menjadi negara perindustrian moden yang berpendapatan sederhana tinggi.

121. Kita telah berjaya meningkatkan per kapita daripada 260 dolar Amerika di awal merdeka kepada kira-kira 8 ribu dolar Amerika hari ini.

122. Kita telah berjaya mengurangkan kemiskinan dari 60 peratus kepada 3.8 peratus sehingga berada diambang menghapuskan kemiskinan tegar dan berjaya mencipta kelas menengah yang dinamik.

123. Hakikatnya, pengurusan kewangan yang berhemat jugalah yang telah menyaksikan kita berupaya keluar dari krisis kewangan 1997/1998 dengan

jayanya bersandarkan langkah tegas di luar kelaziman ketika itu. Hasilnya, kritikan menjadi pujian, sifat berwasangka berubah menjadi kekaguman.

124. Begitu juga di kala tsunami ekonomi melanda, Kerajaan tidak langsung berlengah-lengah mengambil langkah pemulihan melalui pakej rangsangan dan mini bajet. Sekali lagi, rakyat diselamatkan daripada terjebak dalam situasi yang membebankan dengan merasai kesan sangat minima.

125. Pendek kata, walau apapun cabaran yang mendarat, kita tidak akan sekali-kali berundur dari misi mulia ini, atas keyakinan bahawa kebenaran berpihak kepada kita dengan rekod prestasi yang cemerlang.

126. Kita bukannya saudagar mimpi yang memperdagang dongengan. Kita adalah parti pembina harapan yang berpijak di bumi nyata. Apa yang kita capai bukanlah secara tidak sengaja, ibarat bulan jatuh ke riba, tetapi ia hasil dari perencanaan yang jelas, ketegasan pelaksanaan, perancangan yang rapi serta pengorbanan yang tinggi.

127. Percayalah, bahawa Kerajaan tidak akan mengambil jalan mudah dengan menggadaikan kepentingan negara jangka panjang demi untuk populariti jangka pendek. Yakinlah, bahawa kita tidak mahu mewariskan negara yang bermasalah kepada generasi akan datang.

128. Lantaran itu, rakyat perlu insaf bahawa masa depan mereka dan anak-anak adalah terlalu bernilai dan mahal harganya untuk diserahkan kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.

129. Sesungguhnya bajet kali ini merupakan bajet ke-53 pasca merdeka yang telah dibentangkan oleh Kerajaan dari parti yang sama. Melalui 53 bajet, 10 Rancangan Malaysia, tiga Rangka Rancangan Jangka Panjang dan satu Misi Nasional, Bajet 2011 menjadi bingkisan penting serta langkah pertama dalam menempatkan Malaysia diambang status negara maju berpendapatan tinggi.

130. Ingatlah bahawa, Malaysia adalah tanah tumpah darah kita, di sini kita dilahirkan, di sini kita membesar, di sini kita mencari rezeki, di sini kita mencipta kejayaan dan di sinilah dengan takdir Tuhan kita akan bersemadi.

131. Kepada-Mu ya Allah, dipanjatkan doa dan dipohon kekuatan, mudah-mudahan segala usaha hamba-hamba-Mu ini beroleh keberkatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan.

- **Menteri Kewangan Duduk** -

Seorang Ahli Lain .. "Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong".

Setiausaha .. "Usul ... Y.A.B. Menteri Kewangan akan mencadangkan."

- **Menteri Kewangan Bangun Semula** -

Menteri .. "**Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:**

" Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh satu bilion satu ratus lapan puluh satu juta lapan ratus sembilan puluh empat ribu ringgit (RM51,181,894,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2011, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2011, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 2010, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut, hendaklah disahkan."

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

- **Menteri Kewangan Duduk** -

Seorang Ahli Lain .. "Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong".

## **SENARAI LAMPIRAN**

- Lampiran 1 :** Galakan Cukai Ke Atas Penerbitan Sekuriti Islam
- Lampiran 2 :** Galakan Cukai Ke Atas Premium Insurans Kredit Eksport Berdasarkan Konsep *Takaful*
- Lampiran 3 :** Lanjutan Tempoh Permohonan Galakan Cukai Untuk Penjanaan Tenaga Daripada Sumber Yang Boleh Diperbaharui
- Lampiran 4 :** Lanjutan Tempoh Permohonan Galakan Cukai Bagi Penjimatan Tenaga
- Lampiran 5 :** Lanjutan Tempoh Galakan Cukai Bagi Pengurangan Gas Rumah Hijau
- Lampiran 6 :** Lanjutan Dan Penambahbaikan Galakan Cukai Bagi Kereta Hibrid
- Lampiran 7 :** Lanjutan Tempoh Permohonan Galakan Bagi Pengeluaran Bahan Makanan
- Lampiran 8 :** Pemansuhan Duti Import Ke Atas Barang Pelancongan Dan Barang Kegunaan Harian
- Lampiran 9 :** Lanjutan Tempoh Permohonan Galakan Cukai Bagi Penyedia Kemudahan Rangkaian Sambungan Terakhir Perkhidmatan Jalur Lebar
- Lampiran 10 :** Pengecualian Cukai Jualan Ke Atas Telefon Bimbit
- Lampiran 11 :** Pengecualian Duti Eksais Ke Atas Kenderaan Nasional Untuk Orang Kurang Upaya
- Lampiran 12 :** Pelepasan Cukai Ke Atas Perbelanjaan Perubatan Dan Penjagaan Ibu Bapa
- Lampiran 13 :** Pengecualian Duti Setem Ke Atas Surat Cara Pindah Milik Rumah Kediaman
- Lampiran 14 :** Pengecualian Duti Setem Ke Atas Surat Cara Perjanjian Pinjaman Bagi Rumah Kediaman
- Lampiran 15 :** Kajian Semula Kadar Cukai Perkhidmatan
- Lampiran 16 :** Cukai Perkhidmatan Ke Atas Perkhidmatan Penyiaran Televisyen Berbayar

## LAMPIRAN 1

### GALAKAN CUKAI KE ATAS PENERBITAN SEKURITI ISLAM

#### Kedudukan Semasa

Perbelanjaan penerbitan sekuriti Islam yang dikeluarkan di bawah prinsip *Mudharabah, Musyarakah, Ijarah* dan *Istisna'* atau lain-lain prinsip Syariah yang diluluskan oleh Menteri Kewangan layak diberi potongan cukai sekiranya penerbitan sekuriti Islam berkenaan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

Galakan ini diberi mulai tahun taksiran 2003 hingga tahun taksiran 2015.

#### Cadangan

Bagi mengukuhkan Malaysia sebagai pasaran *sukuk* utama, Kerajaan telah melancarkan platform perniagaan komoditi yang mematuhi prinsip Syariah yang pertama di dunia iaitu Bursa *Suq al-Sila*.

Bagi terus menggalakkan inovasi dan mempromosi transaksi dalam Bursa *Suq al-Sila*, adalah dicadangkan perbelanjaan penerbitan sekuriti Islam di bawah prinsip *Murabahah* dan *Bai' Bithaman Ajil* berdasarkan *tawarruq* diberi potongan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan. Penerbitan sukuk tersebut juga perlu diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

#### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2011 hingga tahun taksiran 2015.

## **LAMPIRAN 2**

### **GALAKAN CUKAI KE ATAS PREMIUM INSURANS KREDIT EKSPORT BERASASKAN KONSEP TAKAFUL**

#### **Kedudukan Semasa**

Bagi menggalakkan eksport barang Malaysia ke luar negara, Kerajaan telah memberi potongan cukai dua kali ke atas bayaran premium insurans konvensional bagi kredit eksport kepada syarikat yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Potongan cukai ini diberi mulai tahun taksiran 1986.

#### **Cadangan**

Untuk memberi layanan cukai sama rata di antara insurans konvensional dan *takaful*, adalah dicadangkan bayaran premium insurans kredit eksport berdasarkan konsep *takaful* diberi potongan cukai dua kali. Premium insurans berdasarkan konsep *takaful* perlu dibeli daripada syarikat pengendali takaful yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

#### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2011.

**LANJUTAN TEMPOH PERMOHONAN GALAKAN CUKAI UNTUK  
PENJANAAN TENAGA DARIPADA SUMBER YANG BOLEH DIPERBAHARUI**

**Kedudukan Semasa**

Galakan cukai bagi syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui (*Renewable Energy – RE*) adalah:

**A. Syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui:**

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran;

DAN

- iii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan untuk menjana tenaga yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.

Syarikat lain dalam kumpulan yang sama yang menjalankan aktiviti yang sama layak mendapat galakan di atas walaupun salah satu daripada syarikat dalam kumpulan tersebut telah pun mendapat galakan ini.

**B. Syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri:**

- i. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran; dan
- ii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan untuk menjana tenaga yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.

**C. Syarikat bukan menjana tenaga yang mengimport atau memperoleh peralatan menjana tenaga dari sumber yang boleh diperbaharui untuk kegunaan pihak ketiga:**

- i. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan sistem solar fotovoltaik untuk kegunaan pihak ketiga diberi kepada pengimport termasuk penyedia perkhidmatan fotovoltaik yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan
- ii. Pengecualian cukai jualan diberi ke atas pembelian peralatan sistem pemanasan solar daripada pengeluar tempatan.

Galakan di atas adalah untuk permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) sehingga 31 Disember 2010.

**Cadangan**

Bagi memajukan teknologi hijau dan menjamin kelestarian alam sekitar, adalah dicadangkan supaya tempoh permohonan galakan cukai sedia ada bagi penjanaan tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui dilanjutkan.

**Tarikh Kuat Kuasa**

- i. Galakan A dan B dilanjutkan bagi permohonan yang diterima sehingga 31 Disember 2015; dan
- ii. Galakan C dilanjutkan bagi permohonan yang diterima sehingga 31 Disember 2012.

**LANJUTAN TEMPOH PERMOHONAN GALAKAN CUKAI  
BAGI PENJIMATAN TENAGA**

**Kedudukan Semasa**

Galakan cukai bagi aktiviti penjimatan tenaga (*Energy Efficiency –EE*) adalah:

**A. Syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan tenaga:**

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran;

DAN

- iii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan penjimatan tenaga yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.

**B. Syarikat yang melakukan perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri:**

- i. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran; dan
- ii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan penjimatan tenaga yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.

**C. Syarikat yang mengimport peralatan EE atau membelinya daripada pengeluar tempatan untuk kegunaan pihak ketiga:**

- i. Pengecualian duti import dan cukai jualan diberi ke atas peralatan EE seperti *high efficiency motors* dan *insulation materials* kepada pengimport termasuk agen yang diiktiraf yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan
- ii. Pengecualian cukai jualan diberi ke atas pembelian barang pengguna EE seperti peti sejuk, alat penyaman udara, lampu, kipas angin dan televisyen yang dikeluarkan oleh pengeluar tempatan.

Galakan di atas adalah untuk permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) sehingga 31 Disember 2010.

**Cadangan**

Bagi terus menggalakkan penggunaan tenaga yang cekap, adalah dicadangkan tempoh permohonan galakan cukai sedia ada bagi penjimatan tenaga dilanjutkan.

**Tarikh Kuat Kuasa**

- i. Galakan A dan B dilanjutkan bagi permohonan yang diterima sehingga 31 Disember 2015; dan
- ii. Galakan C dilanjutkan bagi permohonan yang diterima sehingga 31 Disember 2012.

**LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI  
BAGI PENGURANGAN GAS RUMAH HIJAU**

**Kedudukan Semasa**

Malaysia komited dalam mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan memperkenalkan galakan pengurangan pelepasan gas rumah hijau dalam bentuk pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima daripada jualan ‘pengurangan pelepasan yang diperakukan’ (*Certified Emission Reductions – CERs*) yang terhasil daripada ‘projek mekanisme pembangunan bersih’ yang diluluskan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Pendapatan dikecualikan bersamaan pendapatan kasar jualan CERs ditolak kos dibelanjakan (selain perbelanjaan modal) bagi mendapatkan CERs.

Tempoh pengecualian adalah selama 3 tahun mulai tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2010.

**Cadangan**

Seiring dengan usaha untuk menggalakkan syarikat membuat pelaburan dalam ‘projek mekanisme pembangunan bersih’ bagi mengurangkan pemanasan global, adalah dicadangkan tempoh pengecualian cukai pendapatan ke atas jualan CERs dilanjutkan selama 2 tahun lagi.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2011 hingga tahun taksiran 2012.

## LANJUTAN DAN PENAMBAHBAIKAN GALAKAN CUKAI BAGI KERETA HIBRID

### Kedudukan Semasa

Pemegang francais kereta hibrid diberi pengecualian duti import 100% dan duti eksais 50% ke atas kereta hibrid *completely-built-up* (CBU) baru.

Pengecualian di atas tertakluk kepada kriteria dan syarat berikut:

- i. Kereta hibrid mematuhi definisi yang diguna pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu:  
*"A vehicle with at least 2 different energy converters and 2 different energy storage systems (gasoline and electric) on-board the vehicle for the purpose of vehicle propulsion";*
- ii. Terhad kepada kereta penumpang hibrid CBU baru berkapasiti enjin di bawah 2000 cc;
- iii. Spesifikasi enjin dengan teknologi sekurang-kurangnya Euro 3;
- iv. Kereta disahkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai kereta hibrid, mendapat *vehicle type approval* dan *certified to have achieved not less than 50% increase in the city-fuel economy or not less than 25% increase in combined city-highway fuel economy relative to a comparable vehicle that is an internal combustion gasoline fuel*; dan
- v. Pelepasan gas karbon monoksida kurang daripada 2.3 gram bagi setiap kilometer.

Pengecualian ini diberi bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2010.

### Cadangan

Bagi terus menggalakkan Malaysia sebagai hab serantau kereta hibrid dan sebagai galakan kepada syarikat pengeluar dan pemasangan kereta tempatan bersedia memasang kereta hibrid dalam negara, adalah dicadangkan pengecualian duti import sepenuhnya dan pengecualian duti eksais sepenuhnya diberi ke atas kereta hibrid CBU baru. Galakan ini juga diperluaskan kepada kereta elektrik serta motosikal hibrid dan elektrik.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011.

**LANJUTAN TEMPOH PERMOHONAN GALAKAN  
PENGELUARAN BAHAN MAKANAN**

**Kedudukan Semasa**

Pada masa ini, syarikat yang melabur dan syarikat subsidiarinya yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan diberi galakan cukai berikut:

- i. Syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiarinya yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari tersebut; dan
- ii. Syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan diberi pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun taksiran bagi projek baru atau 5 tahun taksiran bagi projek pembesaran. Tempoh pengecualian bermula dari tahun taksiran pertama syarikat mendapat pendapatan statutori di mana:
  - a. Kerugian sebelum bermula tempoh pengecualian cukai dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai; dan
  - b. Kerugian dalam tempoh pengecualian cukai juga dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai.

Galakan ini diberi dengan syarat:

- i. Pemilikan ekuiti oleh syarikat pelabur sekurang-kurangnya 70% dalam syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan tersebut;
- ii. Aktiviti pengeluaran bahan makanan yang layak adalah seperti diluluskan oleh Menteri Kewangan iaitu penanaman kenaf, sayur-sayuran, buah-buahan, herba, rempah; akuakultur; penternakan lembu, kambing, biri-biri; atau perikanan laut dalam; dan
- iii. Projek pengeluaran bahan makanan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh satu tahun dari tarikh galakan diluluskan.

Kesemua galakan di atas adalah bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sehingga 31 Disember 2010.

## **Cadangan**

Bagi memastikan pembangunan yang berterusan dalam sektor agro-makanan dan industri asas tani, pemberian galakan sedia ada perlu diteruskan. Bagi merangsang pelaburan, penglibatan pelabur dalam projek pertanian berskala besar perlu digalakkan. Sehubungan itu, adalah dicadangkan galakan cukai bagi aktiviti pengeluaran bahan makanan yang diluluskan dilanjutkan selama 5 tahun lagi.

## **Tarikh Kuat Kuasa**

Permohonan yang diterima mulai 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2015.

**PEMANSUHAN DUTI IMPORT KE ATAS BARANGAN  
PELANCONGAN DAN BARANGAN KEGUNAAN HARIAN**

**Kedudukan Semasa**

Selaras dengan langkah menggalakkan industri pelancongan, duti import bagi kebanyakan produk pelancongan telah dimansuhkan seperti kamera, jam tangan dan minyak wangi. Produk pelancongan yang masih bercukai seperti pakaian, beg tangan, dompet dan kasut yang mempunyai nilai *FOB* melebihi RM200 telah diberi pengecualian duti import di bawah Butiran 174, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988.

**Cadangan**

Bagi terus merancakkan industri pelancongan dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi membeli-belah utama, adalah dicadangkan duti import dimansuhkan ke atas:

- i. Beg tangan, dompet, bagasi, beg bimbit, pakaian, kasut dan topi (yang berduti di antara 5% dan 30%);
- ii. Barang kemas, barang kemas tiruan dan barang perhiasan (yang berduti di antara 5% dan 20%); dan
- iii. Barang mainan seperti anak patung dan model mainan berskala kecil dan untuk rekreasi (yang berduti di antara 5% dan 20%).

Di samping itu, bagi mengurangkan beban kos perbelanjaan rakyat ke atas barang keperluan harian, adalah dicadangkan duti import dimansuhkan ke atas:

- i. Bedak talkum, bedak muka dan syampu (yang berduti di antara 10% dan 20%); dan
- ii. Cadar, selimut, langsir dan alas meja (yang berduti di antara 5% dan 25%).

Senarai terperinci barangan tersebut di atas adalah seperti di **Lampiran A**.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai jam 4.00 petang 15 Oktober 2010.

**LANJUTAN TEMPOH PERMOHONAN GALAKAN CUKAI  
BAGI PENYEDIA KEMUDAHAN RANGKAIAN SAMBUNGAN  
TERAKHIR PERKHIDMATAN JALUR LEBAR**

**Kedudukan Semasa**

Syarikat yang membuat pelaburan dalam infrastruktur sambungan terakhir (*last mile*) diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. Pengecualian cukai pendapatan bersamaan dengan 100% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan ke atas infrastruktur jalur lebar untuk tempoh 5 tahun. Elaun ini dibenarkan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran. Mekanisme pelaksanaan pengecualian ini adalah sama seperti galakan Elaun Pelaburan di bawah Jadual 7B Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- ii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan jalur lebar dan peralatan capaian pengguna yang asasi dalam pembekalan perkhidmatan jalur lebar dan tidak dikeluarkan dalam negara.

Galakan di atas adalah untuk permohonan yang diterima sehingga 31 Disember 2010.

Bagi galakan (i), permohonan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Bagi galakan (ii), permohonan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

**Cadangan**

Bagi terus menggalakkan pelaburan penyediaan infrastruktur perkhidmatan jalur lebar terus berkembang, adalah dicadangkan tempoh permohonan galakan cukai bagi syarikat yang membuat pelaburan dalam infrastruktur sambungan terakhir dilanjutkan selama 2 tahun lagi.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Permohonan yang diterima mulai 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2012.

## PENGECUALIAN CUKAI JUALAN KE ATAS TELEFON BIMBIT

### Kedudukan Semasa

Telefon bimbit biasa dikenakan cukai jualan 10% manakala *Personal Digital Assistant (PDA) with Global System Mobile (GSM)* yang boleh berfungsi sebagai telefon bimbit dikecualikan daripada cukai jualan di bawah Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 2008. Dengan itu, layanan cukai jualan ke atas telefon bimbit dan peralatan yang boleh berfungsi sebagai telefon bimbit iaitu PDA with GSM adalah berbeza.

### Cadangan

Bagi menyamakan layanan cukai ke atas PDA with GSM dan telefon bimbit biasa, adalah dicadangkan telefon bimbit dikecualikan daripada cukai jualan.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai jam 4.00 petang 15 Oktober 2010.

**PENGECUALIAN DUTI EKSAIS KE ATAS KENDERAAN  
NASIONAL UNTUK ORANG KURANG UPAYA**

**Kedudukan Semasa**

Orang kurang upaya (OKU) diberikan pengecualian duti eksais sebanyak 50% ke atas pembelian sebuah kenderaan nasional. Pengecualian diberikan kepada OKU yang mempunyai ketidakupayaan fizikal tertentu iaitu ketidakupayaan anggota tangan atau kaki. Kriteria kelayakan memohon pengecualian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pemohon mesti berdaftar sebagai OKU dan mempunyai Sijil Pendaftaran dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- ii. Pemohon mempunyai lesen memandu yang sah;
- iii. Kenderaan yang hendak dibeli mestilah daripada stok yang belum dibayar duti atau cukai;
- iv. Kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar hak milik sehingga tamat tempoh 5 tahun kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Perbendaharaan; dan
- v. Pengecualian hanya diberi bagi sebuah kenderaan dalam tempoh 5 tahun.

Pengecualian ini diberi berkuat kuasa mulai 28 Oktober 2000.

**Cadangan**

Bagi membantu meringankan beban kewangan OKU yang ingin memiliki kenderaan untuk memudahkan pergerakan mereka, adalah dicadangkan pengecualian 100% duti eksais diberi ke atas kenderaan nasional tertakluk kepada syarat-syarat semasa yang sama.

Pengecualian tersebut di atas juga diperluaskan kepada OKU yang mempunyai ketidakupayaan pendengaran dan pertuturan.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 18 Oktober 2010.

## **PELEPASAN CUKAI KE ATAS PERBELANJAAN PERUBATAN DAN PENJAGAAN IBU BAPA**

### **Kedudukan Semasa**

Pelepasan cukai sehingga RM5,000 layak dituntut oleh pembayar cukai individu ke atas perbelanjaan perubatan ibu bapa terhad kepada perbelanjaan berikut:

- i. rawatan di klinik dan hospital;
- ii. rawatan di rumah penjagaan; dan
- iii. rawatan pergigian tidak termasuk rawatan pergigian kosmetik.

### **Cadangan**

Bagi membantu meringankan kos membiayai perbelanjaan rawatan dan penjagaan ibu bapa, adalah dicadangkan pelepasan cukai sedia ada diperluaskan untuk meliputi perbelanjaan penjagaan ibu bapa. Perbelanjaan penjagaan berkenaan adalah bagi ibu bapa yang menghidap penyakit atau mempunyai ketidakupayaan fizikal/mental dan memerlukan rawatan rapi yang telah disahkan oleh pengamal perubatan bertauliah. Rawatan dan penjagaan yang disediakan meliputi rawatan dan penjagaan di rumah, pusat jagaan harian atau pusat jagaan kediaman.

Perbelanjaan rawatan dan penjagaan yang layak adalah seperti berikut:

- i. Perbelanjaan rawatan dan perubatan yang disokong dengan resit yang dikeluarkan oleh pusat perubatan berdaftar, farmasi berdaftar atau kedai ubat-ubatan berlesen; atau
- ii. Perbelanjaan penjagaan ibu bapa yang disokong dengan resit atau melalui perakuan bertulis oleh penjaga (tidak termasuk individu yang menuntut pelepasan, isteri/suami dan anak-anaknya) yang mengesahkan bahawa penjagaan telah disediakan serta jumlah bayaran terlibat. Bagi penjaga warga negara asing yang diupah khas, penjaga tersebut hendaklah memiliki visa/permit kerja khas untuk penjagaan ibu bapa kepada pembayar cukai yang membuat tuntutan pelepasan; atau
- iii. Perbelanjaan keperluan khas ibu bapa diperakukan oleh pengamal perubatan bertauliah dan perbelanjaan disokong dengan resit pembelian.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2011.

**PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS  
SURAT CARA PINDAH MILIK RUMAH KEDIAMAN****Kedudukan Semasa**

Kadar duti setem ke atas surat cara pindah milik harta tanah termasuk rumah kediaman adalah seperti berikut:

<b>Nilai Hartanah</b>	<b>Kadar Duti Setem Ke Atas Setiap RM100 Atau Sebahagian Daripadanya</b>
RM100,000 yang pertama	RM1.00
>RM100,000 hingga ≤RM500,000	RM2.00
>RM500,000	RM3.00

Surat cara pindah milik rumah kediaman yang berharga tidak melebihi RM250,000 diberi pengecualian duti setem sebanyak 50%. Pengecualian ini diberi untuk pemilikan sebuah rumah bagi setiap individu warga negara Malaysia. Pengecualian ini berkuat kuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 8 September 2007 hingga 31 Disember 2010.

**Cadangan**

Bagi menggalakkan pemilikan rumah pertama, adalah dicadangkan pengecualian duti setem sebanyak 50% diberi ke atas surat cara pindah milik sebuah rumah yang berharga tidak melebihi RM350,000.

Pengecualian ini diberi bagi pembelian rumah pertama oleh rakyat Malaysia dan layak dituntut sekali sahaja dalam tempoh pengecualian. Rumah pertama bermaksud satu keadaan di mana individu tidak memiliki sebarang rumah (atau tidak memiliki sebahagian rumah dalam keadaan milikan bersama) di atas namanya semasa individu tersebut memohon untuk pengecualian duti setem 50% bagi rumah kediaman berharga tidak melebihi RM350,000.

Rumah kediaman termasuk rumah teres, kondominium, pangsapuri atau rumah pangsa.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2012.

## **PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA PERJANJIAN PINJAMAN BAGI RUMAH KEDIAMAN**

### **Kedudukan Semasa**

Kadar duti setem ke atas surat cara perjanjian pinjaman bagi rumah kediaman adalah 0.5% ke atas nilai pinjaman.

Surat cara perjanjian pinjaman bagi sebuah rumah kediaman yang berharga tidak melebihi RM250,000 diberi pengecualian duti setem sebanyak 50%. Pengecualian ini diberi untuk pembelian sebuah rumah bagi setiap individu warga negara Malaysia.

Pengecualian ini berkuat kuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2010.

### **Cadangan**

Selaras dengan hasrat Kerajaan supaya setiap rakyat mampu memiliki sebuah rumah kediaman dan kos pemilikan rumah pertama dapat dikurangkan, adalah dicadangkan pengecualian duti setem sebanyak 50% diberi ke atas surat cara perjanjian pinjaman bagi sebuah rumah yang berharga tidak melebihi RM350,000. Perjanjian pinjaman tersebut adalah di antara pembeli dengan bank, institusi kewangan, syarikat insurans, koperasi atau majikan di bawah suatu skim pinjaman perumahan pekerja.

Pengecualian ini diberi bagi pembelian rumah pertama oleh rakyat Malaysia dan layak dituntut sekali sahaja dalam tempoh pengecualian. Rumah pertama bermaksud satu keadaan di mana individu tidak memiliki sebarang rumah (atau tidak memiliki sebahagian rumah dalam keadaan milikan bersama) di atas namanya semasa individu tersebut memohon untuk pengecualian duti setem 50% bagi rumah kediaman berharga tidak melebihi RM350,000.

Rumah kediaman termasuk rumah teres, kondominium, pangsapuri atau rumah pangsa.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2012.

## **KAJIAN SEMULA KADAR CUKAI PERKHIDMATAN**

### **Kedudukan Semasa**

Cukai perkhidmatan dikenakan oleh penyedia perkhidmatan pada kadar 5% bagi semua perkhidmatan bercukai. Kadar ini tidak terpakai kepada perkhidmatan kad kredit di mana cukai perkhidmatan dikenakan pada kadar spesifik RM50 setahun bagi kad utama dan RM25 setahun bagi kad tambahan.

### **Cadangan**

Bagi mengkaji semula kadar cukai perkhidmatan sedia ada dan menjana hasil cukai tambahan untuk pembangunan negara, adalah dicadangkan kadar cukai perkhidmatan bagi semua perkhidmatan bercukai dinaikkan daripada 5% kepada 6%.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai 1 Januari 2011.

**CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS  
PERKHIDMATAN PENYIARAN TELEVISYEN BERBAYAR**

**Kedudukan Semasa**

Cukai perkhidmatan telah dikenakan ke atas semua perkhidmatan telekomunikasi seperti telefon, faksimili, *leased line* dan *bandwidth* mulai 1 Januari 2001. Perkhidmatan telekomunikasi mengguna pakai aplikasi satelit seperti perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

**Cadangan**

Bagi meluaskan asas cukai, adalah dicadangkan cukai perkhidmatan pada kadar 6% dikenakan ke atas perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar. Cukai perkhidmatan ini adalah dikenakan ke atas yuran langganan bulanan perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar tersebut.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai 1 Januari 2011.